



Ilustrasi Jualan



Adakah polisi berkaitan pelaburan sesuai untuk anda? Adakah anda menyedari tentang kos-kos, manfaat-manfaat dan risiko-risiko yang terlibat?

Nama Penanggung Insurans: AIA Bhd.

Nama Produk: A-LifeLink 2

Jenis Polisi: Insurans berkaitan pelaburan premium tetap

Disediakan Oleh: WAN ABDUL MUTHALIB BIN

Nama Insured: Male

Nama Pemilik: Male

Jantina: Lelaki

Perokok: Bukan

Umur Hari Jadi Terakhir: 25

Kod Pekerjaan: A53-01-23

Keahlian AIA Vitality: Baru

Nisbah dana / dana-dana yang dipilih:

100% dalam Dana Ekuiti Strategik AIA

NOTA PENTING:


INI ADALAH PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET-ASET PENDASAR, DAN BUKANNYA PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH.

Ilustrasi ini tidak lengkap melainkan kesemua halaman disertakan. Ilustasi ini hanya digunakan untuk jualan insurans di Malaysia.

 Adakah anda tahu bahawa...

 Adakah anda dinasihatkan tentang...

 Adakah anda diberitahu...

 **La fleksibel tetapi anda menanggung risiko pelaburan?**

Ini merupakan produk insurans yang dikaitkan dengan prestasi dana-dana pelaburan yang anda pilih.

Manfaat-manfaat


- **Fleksibiliti** untuk mengubah jumlah premium atau perlindungan jika keperluan kewangan anda berubah.
- **Pilihan dana** bergantung pada tahap risiko yang anda mampu.


Risiko

- Anda akan menanggung **segala risiko pelaburan** termasuk pulangan pelaburan yang rendah.
- Jika prestasi dana anda kurang baik atau penanggung insurans anda meningkatkan caj-caj anda-
 - o Anda akan mengalami kehilangan perlindungan insurans anda, atau
 - o Nilai akaun anda mungkin akan terjejas teruk.
- Anda mungkin ingin menambahkan premium anda atau mengurangkan tahap perlindungan insurans untuk mengelakkan kehilangan perlindungan insurans anda.

 **Produk-produk lain yang mungkin lebih sesuai dengan keperluan anda?**

- **Produk tanpa penyertaan:** Manfaat-manfaat dan tempoh perlindungan adalah dijamin selagi anda masih membayar premium.
- **Produk sertaan:** Selain daripada menerima manfaat-manfaat yang dijamin dan mempunyai tempoh perlindungan yang dijamin, anda boleh berkongsi keuntungan (tidak dijamin) dalam dana hayat sertaan.

 **Bagaimana premium anda akan digunakan?**



Yuran-yuran dan caj-caj yang akan diambil daripada dana/dana-dana pelaburan anda akan mengurangkan amaun untuk pelaburan:-

- Kos Insurans, Caj Perkhidmatan Bulanan, Caj Perkhidmatan Perubatan (jika ada), Caj Serahan, Caj Pengeluaran Separa dan Caj Penukaran Dana

Ringkasan Manfaat

Pelan Asas	Pengadaran Perubatan	Pengadaran Pekerjaan	Tempoh Perlindungan	Jumlah Diinsuranskan (RM)	Tempoh Pembayaran Premium	Premium (RM)
A-LifeLink 2 (ALL 2@80)	-	-	Sehingga Umur 80	100,000	Sehingga Umur80	275.00
A-Plus Disability Care (APDC)	-	-	Sehingga Umur 70	100,000	Tidak berkenaan	-
Rider / Rider-rider						
A-Plus Health (APH@80)	-	-	Sehingga Umur 80	Pelan 200 (Deduktibel: 300)	Tidak berkenaan	Penolakan Unit
A-Plus CriticalCare (APCC@80)	-	-	Sehingga Umur 80	100,000	Tidak berkenaan	Penolakan Unit
A-Plus WaiverExtra (APWE@80)	-	-	Sehingga Umur 80	3,300 setahun	Tidak berkenaan	Penolakan Unit
A-Plus AccidentShield (APAS)	-	Kelas 1	Sehingga Umur 70	100,000	Tidak berkenaan	Penolakan Unit
Riot and Civil Commotion (RCC) atas APAS (APAS/RCC)	-	Kelas 1	Sehingga Umur 70	100,000	Tidak berkenaan	Penolakan Unit
A-Plus HospitalIncome Extra (APHIE)	-	-	Sehingga Umur 80	100	Tidak berkenaan	Penolakan Unit
Jumlah Premium Bulanan						275.00
Jumlah Premium Tahunan						3,300.00

Sila ambil perhatian bahawa premium yang dibayar oleh organisasi perniagaan adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.

Jadual 1: A LifeLink 2 (Untuk tujuan ilustrasi sahaja. Ini mungkin bukan manfaat-manfaat yang akan anda terima)

- Nombor-nombor dalam jadual di bawah mengilustrasikan perubahan tunai yang bekemungkinan dalam polisi, termasuk bagaimana yuran-yuran dan caj-caj boleh mempengaruhi nilai akaun. Untuk menunjukkan kesan atas perubahan tunai dalam pulangan pelaburan yang berbeza, dua kadar pulangan telah dipilih, 2% setahun (Senario X) dan 5% setahun (Senario Y). **Kadar pulangan sebenar mungkin lebih tinggi atau lebih rendah daripada kadar yang dipilih, malah menjadi negatif.**
- Pulangan sebenar dana akan berubah (contohnya naik atau turun) setiap tahun bergantung kepada prestasi aset-aset di mana dana / dana-dana dilaburkan.**
- Pulangan pelaburan yang diandaikan tidak mencerminkan kemudahubahan yang berpotensi dalam tempoh masa yang pendek yang mengakibatkan pergerakan yang mendadak, naik atau turun, daripada aset-aset pendasar dana. Tahap kemudahubahan yang sebenarnya akan berbeza bergantung pada dana-dana pelaburan yang berbeza. Ini bermakna bahawa pilihan dana-dana pelaburan anda dan perubahan dalam pilihan dana anda akan menyebabkan tahap dan kemudahubahan dalam prestasi pelaburan dan keupayaan polisi anda untuk memberi perlindungan insurans yang berterusan.

Sila rujuk kepada lembaran fakta dana bagi maklumat yang penting tentang pelaburan dana / dana-dana, termasuk pulangan pelaburan tahunan yang sebenar masa lalu dan caj pengurusan dana.

Amaun yang perlu anda bayar

Anda hanya perlu membeli rider-rider yang anda perlukan kerana kos rider-rider akan ditanggung oleh anda. Rider-rider adalah opsyen!

Anda mungkin menerima amaun berikut (amaun yang tidak dijamin) pada tarikh kematangan atau pembatalan awal

Akhir Tahun Polisi	Akaun Perlindungan + Akaun Simpanan														Jumlah Komisen (h)		Umur Insured Pada Akhir Tahun
	Premium Dibayar (RM) (a)	Premium yang Diperuntukkan (b)		Kos Insurans ¹ (RM) (c)		Caj-caj Lain ¹ (RM) (d)	Caj Pengurusan Dana (RM) (e)		Jumlah Diinsuranskan (RM) (f)	Bonus Ulang Tahun	Nilai Akaun Yang Tidak Dijamin ³ (RM) (g)		Manfaat Kematian Yang Tidak Dijamin ² (RM)		RM	%	
		RM	%	Polisi Asas	Rider / Rider-rider Penolakan Unit		Senario X	Senario Y			Senario X	Senario Y	Senario X	Senario Y			
1	3,300.00	1,980.00	60.00%	134	1,060	132	5	5	100,000	0	700	700	100,700	100,700	1,320	40%	26
2	3,300.00	1,980.00	60.00%	149	1,096	132	14	14	100,000	1,000	1,300	1,300	102,300	102,300	1,320	40%	27
3	3,300.00	1,980.00	60.00%	149	1,098	132	23	24	100,000	2,000	1,900	2,000	103,900	104,000	825	25%	28
4	3,300.00	2,640.00	80.00%	149	1,101	132	37	38	100,000	3,000	3,100	3,300	106,100	106,300	825	25%	29
5	3,300.00	2,640.00	80.00%	149	1,103	132	56	59	100,000	4,000	4,400	4,700	108,400	108,700	495	15%	30
6	3,300.00	2,640.00	80.00%	149	1,108	132	75	80	100,000	5,000	5,700	6,100	110,700	111,100	495	15%	31
7	3,300.00	3,135.00	95.00%	150	1,317	132	96	103	100,000	6,000	7,200	7,800	113,200	113,800	0	0%	32
8	3,300.00	3,135.00	95.00%	150	1,327	132	119	130	100,000	7,000	8,800	9,600	115,800	116,600	0	0%	33
9	3,300.00	3,135.00	95.00%	155	1,338	132	142	157	100,000	8,000	10,300	11,500	118,300	119,500	0	0%	34
10	3,300.00	3,300.00	100.00%	159	1,351	132	167	186	100,000	9,000	12,000	13,500	121,000	122,500	0	0%	35
15	3,300.00	3,300.00	100.00%	159	1,485	132	290	346	100,000	14,000	20,200	24,300	134,200	138,300	0	0%	40
20	3,300.00	3,300.00	100.00%	239	1,912	132	389	505	100,000	19,000	26,500	34,800	145,500	153,800	0	0%	45
30	3,300.00	3,300.00	100.00%	639	3,383	132	426	720	100,000	20,000	28,000	48,300	148,000	168,300	0	0%	55
40	3,300.00	3,300.00	100.00%	1,622	6,898	132	-	470	100,000	20,000	-	28,900	-	148,900	0	0%	65
50	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	75
55	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	80

⚠ Sekiranya bahagian yang tidak dijamin menjadi sifar/ negatif, ia bermakna nilai akaun anda tidak mampu untuk membayar perlindungan insurans anda.

¹ Kos insurans dan caj-caj lain yang diilustrasi adalah tidak dijamin dan mungkin akan berbeza dari masa ke semasa dengan memberikan notis bertulis 3 bulan (bagi caj insurans untuk A-Plus Health, 30 hari notis bertulis) kepada pemilik polisi, sebagai contoh, caj-caj bagi rider perubatan akan meningkat akibat kos-kos perubatan yang meningkat.

² Manfaat kematian yang akan dibayar ialah jumlah daripada jumlah diinsuranskan, Bonus Ulang Tahun dan nilai akaun.

³ Sekiranya anda memutuskan untuk menyerahkan polisi anda dalam tempoh 2 tahun polisi pertama, caj serahan akan ditolak daripada Nilai Akaun Yang Tidak Dijamin, kecuali sebarang Nilai Akaun daripada A-Plus Saver (jika ada), atau Premium Tokok Ad Hoc (jika ada), seperti yang diilustrasi dalam jadual di bawah:

Tahun Polisi	Caj Serahan (% daripada Nilai Akaun Tidak Dijamin)	Akaun Perlindungan + Akaun Simpanan				Akaun Perlindungan				Akaun Simpanan			
		Senario X		Senario Y		Senario X		Senario Y		Senario X		Senario Y	
		Caj Serahan (RM)	Nilai Serahan(RM)	Caj Serahan (RM)	Nilai Serahan (RM)	Caj Serahan (RM)	Nilai Serahan (RM)	Caj Serahan (RM)	Nilai Serahan (RM)	Caj Serahan (RM)	Nilai Serahan (RM)	Caj Serahan (RM)	Nilai Serahan (RM)
1	20%	140	560	140	560	140	560	140	560	0	0	0	0
2	10%	130	1,170	130	1,170	130	1,170	130	1,170	0	0	0	0

Nota: Untuk tahun polisi ke-3 dan seterusnya, Caj Serahan adalah 0% dan Nilai Serahan anda adalah bersamaan dengan Nilai Akaun Tidak Dijamin.

Jadual 1(a): Ilustrasi Akaun Perlindungan

- Premium tetap yang telah dibayar dan Premium Tokok Ad Hoc (jika ada), akan digunakan untuk membeli unit-unit berdasarkan pada kadar peruntukan di bawah Akaun Perlindungan.
- Yuran-yuran dan caj-caj yang berkaitan akan ditolak daripada Akaun Perlindungan.
- Kadar peruntukan untuk premium tetap adalah seperti berikut:

Tahun Polisi	1	2	3	4	5	6	7	8	9	>=10
Peruntukan	60.00%	60.00%	60.00%	80.00%	80.00%	80.00%	95.00%	95.00%	95.00%	100.00%

- Kadar peruntukan adalah 95% bagi setiap Premium Tokok Ad-Hoc.

Akhir Tahun Polisi	Akaun Perlindungan										Umur Insured Pada Akhir Tahun
	Premium Dibayar (RM) (a)	Premium Yang Diperuntukkan (b)		Jumlah Kos Insurans ¹ (RM) (c)		Caj-caj Lain ¹ (RM) (d)	Caj Pengurusan Dana (RM) (e)		Nilai Akaun Yang Tidak Dijamin ² (RM) (g)		
		RM	%	Senario X	Senario Y		Senario X	Senario Y	Senario X	Senario Y	
1	3,300.00	1,980.00	60.00%	1,194	1,194	132	5	5	700	700	26
2	3,300.00	1,980.00	60.00%	1,245	1,245	132	14	14	1,300	1,300	27
3	3,300.00	1,980.00	60.00%	1,247	1,247	132	23	24	1,900	2,000	28
4	3,300.00	2,640.00	80.00%	1,250	1,250	132	37	38	3,100	3,300	29
5	3,300.00	2,640.00	80.00%	1,252	1,252	132	56	59	4,400	4,700	30
6	3,300.00	2,640.00	80.00%	1,257	1,257	132	75	80	5,700	6,100	31
7	3,300.00	3,135.00	95.00%	1,467	1,467	132	96	103	7,200	7,800	32
8	3,300.00	3,135.00	95.00%	1,477	1,477	132	119	130	8,800	9,600	33
9	3,300.00	3,135.00	95.00%	1,493	1,493	132	142	157	10,300	11,500	34
10	3,300.00	3,300.00	100.00%	1,510	1,510	132	167	186	12,000	13,500	35
15	3,300.00	3,300.00	100.00%	1,644	1,644	132	290	346	20,200	24,300	40
20	3,300.00	3,300.00	100.00%	2,151	2,151	132	389	505	26,500	34,800	45
30	3,300.00	3,300.00	100.00%	4,022	4,022	132	426	720	28,000	48,300	55
40	3,300.00	3,300.00	100.00%	-	8,520	132	-	470	-	28,900	65
50	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	75
55	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	80

¹ Kos insurans dan caj-caj lain yang diilustrasi adalah tidak dijamin dan mungkin akan berbeza dari masa ke semasa dengan memberikan notis bertulis 3 bulan (bagi caj insurans untuk A-Plus Health, 30 hari notis bertulis) kepada pemilik polisi, sebagai contoh, caj-caj bagi rider perubatan akan meningkat akibat kos-kos perubatan yang meningkat. Jumlah Kos Insurans adalah jumlah kos insurance bagi polisi asas dan rider/rider-rider penolakan unit (jika ada).

² Caj Serahan dikenakan ke atas nilai akaun Akaun Perlindungan, tidak termasuk sebarang nilai akaun daripada Premium Tokok Ad Hoc (jika ada). Sila rujuk kepada Jadual (1) untuk maklumat yang selanjutnya tentang caj serahan dan nilai serahan.

Jadual 1(b): Ilustrasi Akaun Simpanan

- Premium yang telah dibayar untuk A-Plus Saver, iaitu Tokok berjadual (jika ada), akan digunakan untuk membeli unit-unit berdasarkan pada kadar peruntukan di bawah Akaun Simpanan bagi meningkatkan elemen simpanan pelan ini.
- Yuran-yuran dan caj-caj yang berkenaan tidak akan ditolak daripada Akaun Simpanan, melainkan anda telah memberikan persetujuan anda untuk berbuat demikian.
- Sekiranya anda membenarkan yuran-yuran dan caj-caj ditolak daripada Akaun Simpanan, penolakan akan berlaku apabila nilai akaun dalam Akaun Perlindungan tidak mencukupi untuk menampung yuran-yuran dan caj-caj yang berkenaan.
- Sekiranya anda tidak membenarkan penolakan yuran-yuran dan caj-caj daripada Akaun Simpanan, apabila nilai akaun dalam Akaun Perlindungan tidak mencukupi untuk menampung yuran-yuran dan caj-caj yang berkenaan (termasuk dalam tempoh 5 tahun polisi pertama di mana syarat-syarat bagi peruntukan perlindungan terjamin 5 tahun tidak dipenuhi), polisi akan luput dan baki nilai akaun dalam A-Plus Saver akan dikembalikan kepada anda.
- Kadar peruntukan adalah 95% bagi setiap premium A-Plus Saver.

Akhir Tahun Polisi	Akaun Simpanan										Umur Insured Pada Akhir Tahun
	Premium Dibayar (RM) (a)	Premium Yang Diperuntukkan (b)		Jumlah Kos Insurans ¹ (RM) (c)		Caj-caj Lain ¹ (RM) (d)	Caj Pengurusan Dana (RM) (e)		Nilai Akaun Yang Tidak Dijamin ² (RM) (g)		
		RM	%	Senario X	Senario Y		Senario X	Senario Y	Senario X	Senario Y	
1	0.00	0.00	0.00%	0	0	0	0	0	0	0	26
2	0.00	0.00	0.00%	0	0	0	0	0	0	0	27
3	0.00	0.00	0.00%	0	0	0	0	0	0	0	28
4	0.00	0.00	0.00%	0	0	0	0	0	0	0	29
5	0.00	0.00	0.00%	0	0	0	0	0	0	0	30
6	0.00	0.00	0.00%	0	0	0	0	0	0	0	31
7	0.00	0.00	0.00%	0	0	0	0	0	0	0	32
8	0.00	0.00	0.00%	0	0	0	0	0	0	0	33
9	0.00	0.00	0.00%	0	0	0	0	0	0	0	34
10	0.00	0.00	0.00%	0	0	0	0	0	0	0	35
15	0.00	0.00	0.00%	0	0	0	0	0	0	0	40
20	0.00	0.00	0.00%	0	0	0	0	0	0	0	45
30	0.00	0.00	0.00%	0	0	0	0	0	0	0	55
40	0.00	0.00	0.00%	-	0	0	-	0	-	0	65
50	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	75
55	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	80

¹ Kos insurans dan caj-caj lain yang diilustrasi adalah tidak dijamin dan mungkin akan berbeza dari masa ke semasa dengan memberikan notis bertulis 3 bulan (bagi caj insurans untuk A-Plus Health, 30 hari notis bertulis) kepada pemilik polisi, sebagai contoh, caj-caj bagi rider perubahan akan meningkat akibat kos-kos perubahan yang meningkat. Jumlah Kos Insurans adalah jumlah kos insurance bagi polisi asas dan rider/rider-rider penolakan unit (jika ada).

² Caj serahan tidak dikenakan ke atas nilai akaun bagi Akaun Simpanan. Sila rujuk kepada Jadual (1) untuk maklumat yang selanjutnya tentang caj serahan dan nilai serahan.

Jadual 2: Rider / Rider-rider (Opsyenal)

1. Rider boleh memberi perlindungan tambahan atau meningkatkan manfaat-manfaat sedia ada dilindungi di bawah pelan asas anda.
2. Rider-rider adalah dalam bentuk penolakan unit, di mana kos rider telah bergabung dengan premium polisi asas anda. Oleh itu, rider dibiayai dengan menolak caj-caj dari dana unit anda.

Rider / Rider-rider	Premium Dibayar (RM)	Tempoh Pembayaran Premium (tahun)	Jumlah Diinsuranskan (RM)	Tempoh Perlindungan
A-Plus Health (APH@80)	Tiada Berkenaan	Tiada Berkenaan	Pelan 200 (Deduktibel: 300)	Sehingga Umur 80
A-Plus CriticalCare (APCC@80)	Tiada Berkenaan	Tiada Berkenaan	100,000	Sehingga Umur 80
A-Plus WaiverExtra (APWE@80)	Tiada Berkenaan	Tiada Berkenaan	3,300 setahun	Sehingga Umur 80
A-Plus AccidentShield (APAS)	Tiada Berkenaan	Tiada Berkenaan	100,000	Sehingga Umur 70
Riot and Civil Commotion (RCC) atas APAS	Tiada Berkenaan	Tiada Berkenaan	100,000	Sehingga Umur 70
A-Plus HospitalIncome Extra (APHIE)	Tiada Berkenaan	Tiada Berkenaan	100	Sehingga Umur 80

Kos Insurans Rider / Rider-rider Penolakan Unit (RM) (Tidak Dijamin)

Akhir Tahun Polisi	A-Plus Health (APH@80)	A-Plus CriticalCare (APCC@80)	A-Plus WaiverExtra (APWE@80)	A-Plus AccidentShield (APAS)	Riot and Civil Commotion (RCC) atas APAS (APAS/RCC)	A-Plus HospitalIncome Extra (APHIE)	Umur Insured Pada Akhir Tahun
1	797	48	43	120	0	52	26
2	830	50	44	120	0	52	27
3	830	52	44	120	0	52	28
4	830	54	45	120	0	52	29
5	830	56	45	120	0	52	30
6	830	58	48	120	0	52	31
7	1,029	64	52	120	0	52	32
8	1,029	70	56	120	0	52	33
9	1,029	76	61	120	0	52	34
10	1,029	83	67	120	0	52	35
15	1,057	134	108	120	0	66	40
20	1,262	256	188	120	0	86	45
30	1,919	751	437	120	0	156	55
40	3,952	1,746	771	120	0	310	65
50	-	-	-	-	-	-	75
55	-	-	-	-	-	-	80

Pengesahan Pemohon (Pemilik)

Saya memahami bahawa AIA Bhd. bergantung kepada saya untuk mengesahkan maklumat berikut:

Saya telah menerima satu salinan kesemua 9 halaman ilustrasi ini (Bahasa Malaysia sahaja). Saya telah mengkaji ilustrasi ini dan memahami bahawa tujuannya adalah untuk membantu saya memahami bagaimana polisi ini berfungsi dan bukannya untuk mengunjurkan nilai masa depan. Saya memahami bahawa ini adalah Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan dan pulangan sebenar akan berubah bergantung kepada prestasi sebenar dana / dana-dana pelaburan AIA yang tidak dijamin; sementara itu, yuran-yuran, caj-caj polisi dan caj pengurusan dana tertakluk pada perubahan.

Saya memahami bahawa sebarang elemen-elemen tidak dijamin yang diilustrasikan termasuk nilai kewangan yang dipaparkan di bawah Jadual 1, Jadual 1(a), Jadual 1(b) dan Jadual 2 adalah tertakluk kepada perubahan dan boleh jadi lebih tinggi ataupun lebih rendah. Perancang Hayat AIA telah memberitahu saya bahawa elemen ini adalah tidak dijamin. Saya juga memahami bahawa nilai yang dijamin mungkin dipengaruhi oleh pengeluaran / serahan, atau lain-lain perubahan pada polisi yang saya buat.

Saya memahami bahawa sekiranya polisi luput, semua rider-rider yang dilampirkan (jika ada) juga akan luput.

Sebarang perubahan dalam jumlah diinsuranskan, mod pembayaran, premium, atau rider-rider pilihan lain yang saya buat pada masa akan datang juga akan mempengaruhi nilai-nilai yang diilustrasikan.

Saya telah menerima satu salinan Lembaran Pendedahan Produk (PDS) terkini untuk Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan. Perancang Hayat AIA saya juga telah mengkaji semula dengan saya lembaran fakta dana (yang juga boleh didapati di www.aia.com.my) bagi dana pelaburan AIA yang saya pilih.

Saya memahami bahawa cadangan ilustrasi jualan yang dibentangkan kepada saya oleh Perancang Hayat AIA saya sebelum ini, jika berkenaan, mungkin berbeza daripada ilustrasi semasa kerana ilustrasi jualan sebelum ini berdasarkan perlindungan bagi piawaian hayat biasa. Ilustrasi ini mungkin menunjukkan peningkatan premium atau kos insurans untuk pelan asas atau rider (jika ada) yang disebabkan oleh jenis pekerjaan atau keadaan perubatan saya; mana-mana satu yang dianggap terpakai sebagai keputusan terakhir daripada penajajaminan AIA Bhd. ke atas penaksiran perlindungan saya. Oleh itu nilai kewangan yang telah ditunjukkan oleh Perancang Hayat AIA saya sebelum ini adalah berdasarkan cadangan ilustrasi jualan asal dan tempoh perlindungan bagi piawaian hayat biasa mungkin berbeza daripada ilustrasi semasa.

Dengan menandatangani ilustrasi ini, saya memahami bahawa saya masih boleh mengambil tindakan atau bantuan jika timbul sebarang pertikaian pada masa depan.

Tandatangan Pemohon (Pemilik)

Nama:

Tarikh

Pengesahan Perancang Hayat AIA

Saya mengesahkan bahawa ilustrasi ini telah dibentangkan kepada pemohon dan saya telah menerangkan bahawa sebarang elemen tidak dijamin yang diilustrasikan adalah tertakluk kepada perubahan. Saya tidak membuat sebarang kenyataan yang tidak konsisten dengan ilustrasi ini.

Tandatangan Perancang Hayat AIA

Nama

Tarikh



LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil A-LifeLink 2. Sila pastikan anda juga membaca semua terma-terma dan syarat-syarat am.

Disediakan oleh : WAN ABDUL MUTHALIB BIN WAN SHAHRIMAN

Nama Insured : Male	Umur Hari Jadi Terakhir: : 25	Perokok : Bukan	Jantina : Lelaki	Kod Pekerjaan : A53-01-23	Keahlian AIA Vitality : Baru
---------------------	-------------------------------	-----------------	------------------	---------------------------	------------------------------

Nama Pemilik : Male

1. Apakah produk ini?

A-LifeLink 2 ialah Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan (ILIP) premium tetap, yang menawarkan kombinasi elemen perlindungan dan simpanan. A-LifeLink 2 melindungi kematian dan Hilang Upaya Secara Menyeluruh dan Kekal (TPD)¹ dan ia matang pada umur Insured 80 tahun. Pelan ini menawarkan:

- Bonus Ulang Tahun – Jumlah diinsuranskan pelan asas meningkat sebanyak 1% setahun selama 20 tahun bermula dari awal tahun polisi ke-2 tanpa sebarang kos tambahan. Ia akan dibayar apabila berlaku kematian, TPD dan penyakit kritikal (jika A-Plus CriticalCare dilampirkan pada permulaan polisi).
- Peruntukan Perlindungan Terjamin 5 tahun – Polisi akan terus berkuat kuasa dalam tempoh 5 tahun polisi yang pertama walaupun nilai akaun tidak mencukupi, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang selanjutnya.
- Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan – Apabila mencapai umur 80 dan polisi ini masih berkuatkuasa, polisi ini (kecuali A-Plus WaiverExtra, jika ada) akan terus berkuatkuasa selepas Tarikh Kematangan dengan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan **SEKIRANYA** terdapat nilai akaun yang mencukupi untuk menolak caj-caj Polisi dan COI sebarang rider yang dilampirkan, sehingga umur Insured 100 tahun bagi pelan asas dan umur maksimum perlindungan mana-mana rider-rider yang dilampirkan. Polisi ini akan luput apabila nilai akaun telah habis digunakan. Anda boleh memaklumkan Syarikat terlebih dahulu untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan sebelum mencapai umur 80. Sila ambil perhatian bahawa jika anda pilih untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan, pelan asas dan semua rider yang boleh dilampirkan termasuk A-Plus Health dan sebarang amaun Health Walletnya (jikan berkenaan) akan tamat tempoh pada umur 80.

Anda boleh meningkatkan perlindungan insurans bagi pelan ini dengan menambah perlindungan tambahan daripada pelbagai rider-rider pilihan. Manfaat-manfaat ini disediakan tertakluk kepada penambahan Kos Insurans (COI) dan pembayaran premium.

Nilai ILIP bergantung pada harga unit-unit pendasar, yang seterusnya bergantung pada prestasi dana yang anda pilih.

¹Perlindungan TPD adalah sehingga Insured mencapai umur 70 tahun atau tamat tempoh pelan asas, yang mana lebih awal (jika berkenaan)

2. Apakah perlindungan-perindungan / manfaat-manfaat yang disediakan?

Jadual berikut memberikan penerangan yang ringkas bagi manfaat-manfaat yang Anda pilih. Sila rujuk pada lampiran untuk penerangan yang lebih lanjut tentang manfaat-manfaat.

Penerangan	Manfaat-manfaat
A-LifeLink 2 (ALL 2@80) Manfaat Kematian	RM 100,000 + Bonus Ulang Tahun + Nilai Akaun
Manfaat Kematangan	Nilai Akaun
A-Plus DisabilityCare (APDC) Perlindungan bagi Hilang Upaya Secara Menyeluruh dan Kekal (TPD) Perlindungan bagi APDC adalah sehingga umur Insured 70 tahun atau tamat tempoh pelan asas, yang mana lebih awal.	RM 100,000 + Bonus Ulang Tahun
A-Plus CriticalCare (APCC) Perlindungan bagi 45 penyakit kritikal. Perlindungan bagi APCC adalah sehingga tamat tempoh pelan asas.	RM 100,000
A-Plus WaiverExtra (APWE) Meneruskan pembayaran premium sekiranya berlaku TPD (berlaku pada umur 70 tahun dan ke bawah) atau didiagnosis dengan salah satu daripada 44 penyakit kritikal yang dilindungi. Perlindungan bagi APWE adalah sehingga tamat tempoh pelan asas.	RM 3,300 setahun
A-Plus Health (APH) Memberi perlindungan perubatan yang menyeluruh berdasarkan Jadual Manfaat-manfaat di Lampiran. Perlindungan bagi APH adalah sehingga tamat tempoh pelan asas.	
Manfaat Bilik dan Penginapan Hospital	RM 200
Had Tahunan	RM 1,500,000
Had Seumur Hidup	Tiada Had
Amaun Deduktibel	RM 300 Setiap Hilang Upaya

Penerangan	Manfaat-manfaat
Health Wallet	Amaun Health Wallet tahunan sebanyak RM 1,500 akan dikreditkan ke Health Wallet setiap akhir tahun rider, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat dalam tahun sebelumnya, sebanyak 10 kali.
A-Plus AccidentShield (APAS) Perlindungan bagi kematian atau kecederaan akibat kemalangan. Perlindungan bagi APAS adalah sehingga umur Insured 70 tahun atau tamat tempoh pelan asas, yang mana lebih awal.	RM 100,000
Riot and Civil Commotion (RCC) atas APAS (APAS/RCC) Perlindungan bagi APAS atas kemalangan akibat serangan, pembunuhan, rusuhan dan keganasan awam. Perlindungan bagi RCC atas APAS adalah sehingga umur Insured 70 tahun atau tamat tempoh pelan asas, yang mana lebih awal.	RM 100,000
A-Plus HospitalIncome Extra (APHIE) Menyediakan pendapatan harian bagi setiap hari semasa dimasukkan ke hospital akibat penyakit atau kecederaan. Perlindungan bagi APHIE adalah sehingga umur Insured 100 tahun atau tamat tempoh pelan asas, yang mana lebih awal.	RM 100

Dana / Dana-dana yang Dipilih	Peruntukan Pelaburan (%)
Dana Ekuiti Strategik AIA	100%

Peringatan: Sila rujuk kepada kontrak Polisi dan / atau lembaran fakta dana bagi maklumat mengenai manfaat-manfaat produk dan dana-dana berkaitan pelaburan. Ia adalah penting untuk memilih pelan atau gabungan dana-dana yang sesuai dengan matlamat kewangan dan profil risiko Anda.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar dan terma-terma polisi mungkin berubah bergantung kepada keperluan penajajaminan AIA Bhd. Anggaran premium adalah seperti di bawah bergantung kepada tempoh perlindungan masing-masing:

	Pemilihan Semasa	Alternatif 1	Alternatif 2
Tempoh perlindungan	Perlindungan sehingga umur 80 (tempoh kontrak)	Perlindungan sehingga umur 80 (tempoh kontrak) + Sumbangan Automatik untuk Tempoh Perlindungan	Perlindungan sehingga umur 100 (tempoh kontrak) bagi pelan asas dan umur maksimum perlindungan mana-mana rider-rider yang dilampirkan (jika berkenaan)
Premium yang perlu dibayar	RM 275.00 bulanan dibayar dari umur 25 sehingga umur 80	RM 366.00 bulanan dibayar dari umur 25 sehingga umur 80	RM 368.00 bulanan dibayar dari umur 25 sehingga umur 100

Nota: Premium yang ditunjukkan di atas dianggarkan berdasarkan unjuran kemampunan dan dikira dengan andaian bahawa caj-caj polisi subsidi silang antara Akaun Simpanan dan Akaun Perlindungan anda dibenarkan.

Anggaran premium yang disyorkan adalah tidak dijamin dan mungkin meningkat pada masa akan datang bergantung kepada prestasi dana berkaitan pelaburan, Kos Insurans, yuran, dan caj.

Anda perlu memastikan bahawa anda berpuas hati dengan premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini dan ianya adalah amaun yang anda mampu.

AIA Bhd. memperuntukkan sebahagian dari premium untuk membeli unit-unit dalam dana berkaitan pelaburan yang anda telah pilih. Sebarang amaun yang tidak diperuntukkan akan digunakan untuk membayar komisen kepada Perancang Hayat AIA dan perbelanjaan AIA Bhd. yang lain. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada kadar peruntukan yang dinyatakan dalam ilustrasi jualan.

4. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Kos Insurans ditolak setiap bulan daripada nilai unit-unit anda dan ia secara amnya meningkat apabila umur anda meningkat. Yuran-yuran dan caj-caj lain termasuk:

- Caj Perkhidmatan Bulanan sebanyak RM 8.00 sebulan adalah untuk menampung kos pentadbiran bagi menyelenggarakan polisi anda.
- Caj Pengurusan Dana adalah untuk menampung kos bagi pengurusan dana / dana-dana yang anda melabur. Sila rujuk kepada lembaran fakta dana yang berkenaan untuk maklumat lanjut.
- Caj Serahan sekiranya anda menyerahkan polisi anda dalam tempoh 2 tahun polisi pertama adalah seperti berikut:

Tahun Polisi	Peratusan daripada Nilai Akaun
1	20%
2	10%

Nota: Caj Serahan tidak dikenakan ke atas nilai akaun daripada A-Plus Saver (jika ada) atau Premium Tokok Ad Hoc (jika ada).
- Caj Pengeluaran Separa jika anda membuat sebarang pengeluaran dalam tempoh 2 tahun polisi pertama adalah seperti berikut:

Tahun Polisi	Peratusan daripada Amaun Penyerahan
1	20%

- Nota: Caj Pengeluaran Separa tidak dikenakan ke atas nilai akaun daripada A-Plus Saver (jika ada) atau Premium Tokok Ad Hoc (jika ada).
 - Caj Penukaran Dana adalah untuk menampung kos pentadbiran bagi penukaran dana / dana-dana Anda. Caj Penukaran Dana semasa adalah percuma.
 - Caj Perkhidmatan Perubatan sebanyak RM 3.00 sebulan adalah untuk menampung kos pentadbiran bagi melibatkan pentadbir pihak ketiga bagi rider A-Plus Health jika dilampirkan.

Sila ambil perhatian bahawa Kos Insurans, yuran-yuran dan caj-caj adalah tidak dijamin. Anda akan perlu membayar premium tambahan jika kadar COI meningkat. AIA Bhd. berhak untuk menyemak semula caj-caj dengan memberi 3 bulan notis bertulis kepada Anda sebelum Ulang Tahun Polisi yang akan datang. Bagi A-Plus Health, AIA Bhd. akan memberi 30 hari notis bertulis kepada Anda sebelum Ulang Tahun Polisi yang akan datang.

5. Apakah di antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan pendedahan - Anda mesti mendedahkan semua fakta-fakta penting seperti keadaan perubatan, dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh Percubaan - Anda boleh membatalkan Polisi dengan mengembalikan kontrak polisi anda dan memberi permintaan bertulis yang ditandatangani oleh anda kepada AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas menerima kontrak polisi anda. Jika dalam permohonan anda, anda tidak memilih untuk menerima salinan cetakan kontrak polisi anda, permintaan tersebut mesti dibuat dalam tempoh lima belas (15) hari dari kontrak e-polisi anda yang disediakan di portal MY AIA. Premium yang tidak diperuntukkan, nilai unit-unit (jika ada), dan caj-caj polisi lain yang telah ditolak perbelanjaan perubatan (jika ada) akan dibayar balik.
- Nilai Akaun - Nilai akaun ILIP bergantung kepada prestasi dana / dana-dana berkaitan pelaburan yang dilaburkan. Lebih tinggi perlindungan insurans yang dipilih, lebih rendah unit-unit yang akan tinggal untuk membina nilai akaun di bawah polisi anda. Anda harus mempertimbangkan sama ada peruntukan premium insurans untuk perlindungan dan pelaburan memenuhi keadaan kewangan anda.
- Tempoh Ihsan - 31 hari dari tarikh genap tempoh premium.
- Cuti Premium - Sekiranya premium tidak dibayar, caj-caj Polisi dan COI rider-rider yang dilampirkan akan ditolak melalui pembatalan unit-unit daripada unit-unit anda dan ini akan membawa kepada pengurangan nilai akaun anda
- Polisi luput - ILIP akan luput apabila nilai unit-unit pelaburan tidak mencukupi untuk membayar caj-caj polisi.
- Cukai Kerajaan Yang Berkenaan - Premium yang dibayar oleh organisasi perniagaan adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.
- Pelepasan Cukai - Pelan ini boleh melayakkan diri Anda mendapat pelepasan cukai peribadi tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan – Apabila mencapai umur 80 dan polisi ini masih berkuatkuasa, polisi ini (kecuali A-Plus WaiverExtra, jika ada) akan terus berkuatkuasa selepas Tarikh Kematangan dengan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan **SEKIRANYA** terdapat nilai akaun yang mencukupi untuk menolak caj-caj polisi dan COI sebarang rider yang dilampirkan, sehingga umur Insured 100 tahun bagi pelan asas dan umur maksimum perlindungan mana-mana rider-rider yang dilampirkan. Polisi ini akan luput apabila nilai akaun telah habis digunakan. Peringatan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan ini akan dihantar kepada anda 90 hari sebelum Tarikh Kematangan asal polisi. Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan akan berkuatkuasa jika anda tidak memaklumkan Syarikat untuk menarik diri daripada Tempoh Perlindungan Auto-Sambungan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan ini. Anda boleh memaklumkan Syarikat terlebih dahulu untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan sebelum mencapai umur 80. Sila ambil perhatian bahawa jika anda pilih untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan, pelan asas dan semua rider yang boleh dilampirkan termasuk A-Plus Health dan sebarang amaun Health Walletnya (jika berkenaan) akan tamat tempoh pada umur 80. Semasa tempoh perlindungan yang dilanjutkan, perlindungan yang disediakan oleh pelan asas dan rider akan kekal sama, manakala premium tetap tidak lagi diperlukan. Untuk kemampuhan berterusan polisi, A-Plus Saver atau Ad Hoc Top-Up boleh digunakan untuk memastikan bahawa terdapat nilai akaun yang mencukupi untuk potongan.

Nota: Terma-terma dan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat yang sepenuhnya.

6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah Polisi ini?

Sebarang tuntutan kematian yang timbul daripada peristiwa-peristiwa berikut adalah tidak dilindungi di bawah ALL 2:

- Kematian akibat bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Penyeritaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian. Liabiliti AIA Bhd. akan terbatas kepada pembayaran balik nilai akaun tanpa faedah bersama dengan jumlah caj premium yang tidak diperuntukkan, caj-caj polisi dan COI rider-rider yang dilampirkan ditolak daripada Tarikh Penyeritaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian. Selepas itu, polisi ini akan ditamatkan.

Sebarang tuntutan TPD yang timbul daripada peristiwa-peristiwa berikut adalah tidak dilindungi di bawah APDC, APWE:

- Pendedahan kepada bahaya secara sengaja atau cubaan pemusnahan diri atau kecederaan diri semasa siuman ataupun tidak siuman; atau
- Perkhidmatan dalam angkatan bersenjata semasa peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau semasa menjalani perintah untuk operasi yang menyerupai peperangan atau pemulihan ketenteraman awam; atau
- Aktiviti yang berkaitan dengan sebarang peranti atau pengangkutan udara melainkan sebagai penumpang berbayar atau ahli krew untuk penerbangan pengangkutan udara komersial di perjalanan penumpang berjadual biasa melalui laluan penumpang yang ditetapkan; atau
- Sebarang kecacatan kongenital yang telah dipaparkan atau telah didiagnosiskan sebelum umur 17 tahun; atau
- Hilang upaya yang sedia ada akibat keadaan fizikal atau mental.

Sebarang tuntutan penyakit kritikal yang timbul daripada peristiwa-peristiwa berikut adalah tidak dilindungi di bawah APCC, APWE:

- Keadaan sedia ada sebelum Tarikh Penyeritaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian; atau
- Kanser, Serangan Jantung, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari Serius, dan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, dengan tanda-tanda atau gejala-gejala, yang pertama kali berlaku dalam tempoh 60 hari selepas Tarikh Penyeritaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian; atau
- Semua penyakit kritikal lain dengan tanda-tanda atau gejala-gejala, yang pertama kali berlaku dalam tempoh 30 hari selepas Tarikh Penyeritaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian; atau
- Penyakit kritikal yang didiagnosis secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh kecacatan kongenital atau penyakit yang ditunjukkan dengan jelas atau didiagnosis sebelum umur 17 tahun; atau
- Diagnosis dengan Hepatitis Viral Fulminan, Kanser, Ensefalitis, Meningitis Bakteria, Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk atau Penyakit Terminal (Membawa Maut) disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS), atau jangkitan oleh sebarang Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV).

Sebarang tuntutan yang timbul daripada peristiwa-peristiwa berikut adalah tidak dilindungi di bawah APH:

- Penyakit Sedia Ada

Penyakit Sedia Ada bermaksud Hilang Upaya sebelum Tarikh Mula atau Tarikh Penyeritaan Kontrak Tambahan Hospitalisasi yang berkaitan, yang mana kemudian, dan Insured/Anda patut sewajarnya mengetahui tentang keadaan tersebut. Seseorang Insured/Anda dianggap sewajarnya mengetahui tentang sesuatu Penyakit Sedia Ada apabila keadaan itu merupakan keadaan dimana:

- Insured telah menerima atau sedang menerima rawatan;
- nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan;
- gejala yang jelas dan ketara telah terbukti; atau

(d) kewujudannya adalah nyata bagi orang yang waras dalam keadaan itu.

2. Penyakit Tertentu

Rawatan atau Pembedahan untuk Penyakit Tertentu sehingga Insured telah diinsuranskan secara berterusan di bawah Kontrak Tambahan Hospitalisasi berkaitan untuk tempoh seratus dua puluh (120) hari sebaik sahaja sebelum rawatan atau Pembedahan tersebut.

Penyakit Tertentu bermaksud Hilang Upaya berikut dan komplikasi yang berkaitan dengannya:

- (a) Hipertensi, diabetes melitus dan penyakit kardiovaskular;
- (b) Pertumbuhan apa-apa jenis termasuk tumor, kanser, sista, nodul, polip di mana-mana sistem badan;
- (c) Batu dalam sistem kencing dan sistem biliari;
- (d) Sebarang penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak;
- (e) Hernia, hemoroid, fistula, hidrosele, varikosele;
- (f) Sebarang penyakit sistem pembiakan termasuk Endometriosis;
- (g) Sebarang gangguan spina (termasuk diska tergelincir) dan penyakit lutut.

3. Sebarang keabnormalan perubatan atau fizikal yang wujud pada masa kelahiran, serta keabnormalan fizikal neonatal yang wujud dalam tempoh enam (6) bulan dari masa kelahiran.

Ini termasuklah:

- (a) segala jenis hernia dan epilepsi kecuali apabila disebabkan oleh sesuatu trauma yang berlaku selepas tarikh Insured dilindungi secara berterusan di bawah Kontrak Tambahan Hospitalisasi yang berkaitan, dan
- (b) sebarang keadaan kongenital atau keadaan keturunan yang telah menjadi nyata atau didiagnosis sebelum Insured mencapai umur tujuh belas (17) tahun; kecuali Gejala Kongenital yang dilindungi di bawah Manfaat Penjagaan Khas seperti yang dinyatakan dalam Kontrak Tambahan A-Plus Health.

4. Sebarang Hilang Upaya yang diakibatkan oleh memusnahkan diri atau kecederaan diri yang disengajakan, pendedahan kepada bahaya secara sengaja atau sebarang cubaan memusnahkan diri dalam keadaan siuman atau tidak siuman; atau

5. Sebarang Hilang Upaya yang diakibatkan oleh Peperangan, sama ada diisytiharkan ataupun tidak, mogok, rusuhan, perang saudara, revolusi atau sebarang operasi ketenteraan; atau

6. Berkhidmat dalam angkatan bersenjata semasa peperangan yang diisytiharkan ataupun tidak diisytiharkan atau semasa di bawah perintah untuk operasi ketenteraan atau pemulihan ketenteraman awam; atau

7. Sebarang pelanggaran atau cubaan untuk melanggar undang-undang atau menentang daripada ditahan; atau

8. Kehamilan, keguguran atau melahirkan anak (kecuali Komplikasi Bersalin yang dilindungi di bawah Manfaat Komplikasi Bersalin Tertentu, yang hanya terpakai selepas 1 tahun dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudiannya); atau

9. Penyakit mental atau penyakit saraf (kecuali keadaan-keadaan yang dilindungi di bawah Manfaat Kesihatan Mental), rawatan ketagihan arak, atau penyalahgunaan dadah atau sebarang komplikasi lain yang timbul daripadanya atau sebarang pengambilan dadah secara tidak sengaja yang tidak dipreskripsikan oleh Doktor yang merawat; atau

10. Pembedahan elektif/plastik/kosmetik (kecuali Pembedahan elektif atau plastik atau kosmetik disebabkan oleh Kemalangan atau Kanser di bawah Manfaat Penjagaan Khas), khatan (kecuali khatan akibat jangkitan), pemeriksaan mata / pembedahan elektif untuk kecacatan penglihatan akibat keterlihatan, penglihatan atau astigmatisme atau radang keratotomy; semua cermin mata pembetulan, kanta lekap atau penggunaan atau perolehan peralatan atau peranti prostetik luaran (kecuali anggota palsu dan bantuan pendengaran untuk Mobiliti dan Bantuan Pendengaran di bawah Penjagaan Pemulihan) dan preskripsinya; atau

11. Sebarang bentuk rawatan atau Pembedahan pergigian termasuk penggantian gigi asal, penggantian gigi palsu dan perkhidmatan prostetik seperti titian gigi ("bridges") dan korona ("crowns") atau penggantinya, melainkan jika diperlukan Kecederaan yang dilindungi di bawah Manfaat Rawatan Pesakit Luar Pesakit Kecemasan seperti yang dinyatakan dalam Kontrak Tambahan A-Plus Health; atau

12. Hospitalisasi terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan (kecuali Pemeriksaan Kesihatan di bawah Manfaat Pencegahan), vitamin/ makanan tambahan dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan; atau

13. Sebarang rawatan atau siasatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan, atau penyembuhan, penjagaan atau rehat pulih; atau

14. Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang timbul dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula Kontrak Tambahan Hospitalisasi yang berkaitan, yang mana kemudian, kecuali Kecederaan Dilindungi; atau

15. Radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear. atau

16. Perbelanjaan yang dilakukan untuk mendermakan mana-mana bahagian badan atau organ oleh Insured dan pemerolehan organ termasuk semua kos yang dilakukan oleh penderma semasa pemindahan organ dan komplikasinya. Kami hanya akan membayar balik Caj Munasabah dan Biasa yang dikenakan ke atas Pembedahan Pemindahan Organ Utama/Sumsu Tulang untuk Insured sebagai penerima, terhad kepada sekali seumur hidup; atau

17. Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar yang mana gejala-gejala yang pertama kali berlaku sebelum atau dalam tempoh 30 hari dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian; atau

18. Manfaat Rawatan Kanser Pesakit Luar yang mana gejala-gejala yang pertama kali berlaku sebelum atau dalam tempoh 60 hari dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian; atau

19. Rawatan di luar negara jika Insured tinggal atau mengembara di luar Malaysia (kecuali Singapura dan Brunei) selama lebih daripada 90 hari berturut-turut.

Sebarang tuntutan kemalangan yang timbul daripada peristiwa-peristiwa berikut adalah tidak dilindungi di bawah APAS, APAS/RCC:

1. Serangan atau pembunuhan (melainkan dilindungi oleh Riot and Civil Commotion (RCC)); atau
2. Rusuhan dan keganasan awam, tindakan industri atau kegiatan pengganas (melainkan dilindungi oleh Riot and Civil Commotion (RCC)); atau
3. Pendedahan kepada bahaya secara sengaja atau cubaan pemusnahan diri atau kecederaan diri semasa siuman ataupun tidak siuman; atau
4. Peperangan, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, atau revolusi; atau
5. Perkhidmatan dalam sebarang angkatan bersenjata semasa peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau semasa menjalani perintah untuk operasi yang menyerupai peperangan atau pemulihan ketenteraman awam; atau
6. Pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang daripada ditahan; atau
7. Terlibat dalam sebarang pergaduhan atau perkelahan; atau
8. Kemalangan yang berlaku ketika atau kerana Insured dipengaruhi oleh alkohol, sebarang dadah yang bukan dipreskripsikan atau dadah haram.

Sebarang tuntutan yang timbul daripada peristiwa-peristiwa berikut adalah tidak dilindungi di bawah APHIE:

1. Penyakit sedia ada sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian; atau
2. Rawatan atau pembedahan untuk Penyakit Tertentu untuk tempoh 120 hari sebaik sahaja sebelum rawatan dan pembedahan tersebut; atau
3. Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang timbul dalam tempoh 30 hari dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula bagi rider ini, yang mana kemudian, kecuali kecederaan dilindungi; atau
4. Sebarang keabnormalan perubatan atau fizikal yang wujud pada masa kelahiran, serta keabnormalan fizikal neonatal yang wujud dalam tempoh 6 bulan dari masa kelahiran atau sebarang keadaan kongenital atau keadaan keturunan yang telah menjadi nyata atau didiagnosis sebelum Insured mencapai umur 17 tahun; atau
5. Kehamilan, keguguran atau melahirkan anak; atau
6. Pembedahan plastik / kosmetik, khatan, cermin mata untuk pembetulan penglihatan, kanta sentuh, kanta intraocular kecuali kanta intraocular monofocal dalam pembedahan katarak; atau
7. Rawatan pergigian melainkan perlu dilakukan akibat kemalangan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak Polisi untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada AIA Bhd. Bagaimanapun, membeli ILIP premium tetap adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Ia adalah tidak digalakkan untuk memegang polisi untuk tempoh masa yang singkat memandangkan kos permulaannya yang tinggi. Sekiranya anda mendapati bahawa dana yang anda telah pilih tidak lagi sesuai, anda mempunyai fleksibiliti untuk menukar dana. Sebagai alternatif, anda boleh memilih untuk memaksimumkan nilai akaun anda dengan mengekalkan premium yang mencukupi untuk memenuhi keperluan anda dan menambah Premium Tokok anda.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan kepada butiran peribadi saya?

Ia adalah penting untuk anda memaklumkan kepada AIA Bhd. mengenai sebarang perubahan maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans berkaitan pelaburan dan insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk kepada buku kecil insuranceinfo pada 'Insurans Berkaitan Pelaburan' dan 'Insurans Perubatan dan Kesihatan', yang terdapat di semua cawangan AIA Bhd. atau anda boleh mendapatkan salinan daripada Perancang Hayat AIA anda atau kunjungi www.insuranceinfo.com.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi AIA Bhd. di:

AIA Bhd. (790895-D),
Menara AIA, 99 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Care Line : 1300 88 1899
T: 03-2056 1111
F: 03-2056 3891
E: my.customer@aia.com
AIA.COM.MY

AIA Bhd. adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

10. Jenis pelan-pelan lain yang serupa boleh didapati

Sila hubungi AIA Bhd. / Perancang Hayat AIA anda / perantara untuk jenis pelan-pelan lain yang serupa yang ditawarkan oleh AIA Bhd.

NOTA PENTING:

INI ADALAH PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET-ASET PENDASAR, DAN BUKANNYA PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH. ANDA MESTI MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN MEMASTIKAN BAHAWA PELAN INSURANS BERKAITAN PELABURAN YANG DIPILIH MENEPATI SELERA RISIKO ANDA, DAN ANDA MAMPU MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH POLISI. UNTUK MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MEMBAYAR PREMIUM TAMBAHAN SEBAGAI 'PREMIUM TOKOK'. PULANGAN DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PERANCANG HAYAT AIA ANDA ATAU HUBUNGI AIA BHD. UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK INI MENGANDUNGI RINGKASAN PRODUK DAN BUKANLAH SATU KONTRAK INSURANS. KONTRAK POLISI AKAN SENTIASA MENGATASI DOKUMEN INI.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 06/03/2021.

Lampiran

Penerangan Pelan Asas:

Manfaat Kematian

Sekiranya berlaku kematian, Jumlah Manfaat Kematian yang bersamaan dengan jumlah diinsuranskan pelan asas, Bonus Ulang Tahun dan nilai akaun (kecuali nilai serahan rider, jika ada) akan dibayar.

Bonus Ulang Tahun

- Bonus Ulang Tahun akan meningkatkan perlindungan anda sebanyak 1% daripada jumlah diinsuranskan pelan asas (tertakluk kepada jumlah diinsuranskan asal atau jumlah diinsuranskan semasa, yang mana lebih rendah dan ia adalah terhad kepada RM 500,000 setiap polisi) dari awal tahun polisi ke-2 sehingga 120% daripada jumlah diinsuranskan. Tahap perlindungan akan kekal selepas itu.
- Bonus Ulang Tahun dibayar jika berlaku kematian, Hilang Upaya Secara Menyeluruh dan Kekal (TPD) (jika berkenaan) dan penyakit kritikal (jika A-Plus CriticalCare dilampirkan pada permulaan Polisi). Walau bagaimanapun, ia tidak akan dibayar apabila berlakunya penyerahan, luput atau kematangan polisi.

Peruntukan Perlindungan Terjamin 5 Tahun

- Polisi ini akan terus berkuat kuasa dalam tempoh 5 tahun pertama polisi walaupun nilai akaun tidak mencukupi untuk membayar caj-caj Polisi, dengan syarat semua syarat-syarat berikut dipenuhi:
 - Semua premium tetap dan A-Plus Saver (jika ada) telah dibayar pada tarikh genap tempoh atau semasa tempoh ihsan atau tempoh bayaran lewat; dan
 - Cuti premium tidak pernah dilaksanakan; dan
 - Tiada perubahan dibuat kepada polisi yang mengakibatkan kenaikan Kos Insurans (COI) atau apa-apa pengurangan nilai akaun yang sedia ada atau yang akan datang.

Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan

- Apabila mencapai umur 80 dan polisi ini masih berkuatkuasa, polisi ini (kecuali A-Plus WaiverExtra, jika ada) akan terus berkuatkuasa selepas Tarikh Kematangan dengan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan **SEKIRANYA** terdapat nilai akaun yang mencukupi untuk menolak caj-caj Polisi dan COI sebarang rider yang dilampirkan, sehingga umur Insured 100 tahun bagi pelan asas dan umur maksimum perlindungan mana-mana rider-rider yang dilampirkan. Polisi ini akan luput apabila nilai akaun telah habis digunakan.
- Peringatan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan ini akan dihantar kepada anda 90 hari sebelum Tarikh Kematangan asal polisi. Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan akan berkuatkuasa jika anda tidak memaklumkan Syarikat untuk menarik diri daripada Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan ini.
- Anda boleh memaklumkan Syarikat terlebih dahulu untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan sebelum mencapai umur 80. Sila ambil perhatian bahawa jika anda pilih untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan, pelan asas dan semua rider yang boleh dilampirkan termasuk A-Plus Health dan sebarang amaun Health Walletnya (jika berkenaan) akan tamat tempoh pada umur 80.
- Semasa tempoh perlindungan yang dilanjutkan, perlindungan yang disediakan oleh pelan asas dan rider akan kekal sama, manakala premium tetap tidak lagi diperlukan. Untuk kemampuhan berterusan polisi, A-Plus Saver atau Ad Hoc Top-Up boleh digunakan untuk memastikan bahawa terdapat nilai akaun yang mencukupi untuk potongan.

Manfaat Kematangan

- Apabila mencapai umur 80 dan polisi ini masih berkuatkuasa, polisi ini (kecuali A-Plus WaiverExtra, jika ada) akan terus berkuatkuasa selepas Tarikh Kematangan dengan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan **SEKIRANYA** terdapat nilai akaun yang mencukupi untuk menolak caj-caj Polisi dan COI sebarang rider yang dilampirkan. Baki nilai akaun, jika ada akan dibayar apabila umur 100 tahun.

A-Plus DisabilityCare (APDC)

- APDC memberi perlindungan bagi Hilang Upaya Secara Menyeluruh dan Kekal (TPD).
- Manfaat APDC dikeluarkan bagi umur penyertaan 65 tahun dan ke bawah. Jumlah diinsuranskan APDC mungkin berbeza bergantung kepada keputusan akhir penaksiran penajajaminan AIA Bhd. terhadap umur, pekerjaan dan/atau keadaan perubatan.
- Sekiranya berlaku TPD (berlaku dari umur 16 tahun sehingga umur 70 tahun), di mana hilang upaya mematuhi definisi 'Pekerjaan yang Bersesuaian' seperti yang dinyatakan dalam kontrak, bayaran pendahuluan sebanyak 10% daripada jumlah diinsuranskan APDC dan Bonus Ulang Tahun akan dibayar bagi 2 tahun pertama dan baki 80% bayaran pendahuluan daripada jumlah diinsuranskan APDC dan Bonus Ulang Tahun akan dibayar pada tahun ke-3.
- Sekiranya berlaku TPD (berlaku pada umur 70 tahun dan ke bawah), di mana hilang upaya mematuhi definisi 'Kehilangan Upaya Presumptif' atau 'Sebarang Pekerjaan' seperti yang dinyatakan dalam kontrak, bayaran sekaligus jumlah keseluruhan bagi jumlah diinsuranskan APDC dan Bonus Ulang Tahun akan dibayar. Jumlah keseluruhan bagi jumlah diinsuranskan pelan asas dan Bonus Ulang Tahun akan dikurangkan oleh pembayaran pendahuluan yang dibayar di bawah APDC.
- Jumlah keseluruhan bagi jumlah diinsuranskan pelan asas dan Bonus Ulang Tahun akan dikurangkan oleh pembayaran pendahuluan yang dibayar di bawah APDC.
- Perlindungan bagi APDC adalah sehingga umur Insured 70 tahun atau tamat tempoh pelan asas, yang mana lebih awal.

PENERANGAN RIDER / RIDER-RIDER:

A-Plus CriticalCare (APCC)

- APCC ialah Rider Penolakan Unit (UDR) yang memberi perlindungan bagi 45 penyakit kritikal. Sekiranya didiagnosis dengan salah satu daripada 45 penyakit kritikal yang dilindungi, jumlah diinsuranskan APCC dan bonus ulang tahun akan dibayar, kecuali bagi Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari.
- Senarai 45 penyakit kritikal yang dilindungi di bawah APCC adalah seperti berikut:

1) Strok / Angin Ahmar	24) Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk
2) Kanser	25) Penyakit Neuron Motor
3) Serangan Jantung	26) Penyakit Parkinson
4) Pembedahan Pintas Arteri Koronari	27) Penyakit Terminal (Membawa Maut)
5) Penyakit Arteri Koronari Serius	28) Ensefalitis
6) Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari	29) Tumor Otak Benign
7) Pembedahan Injap Jantung	30) Trauma Kepala Major (Teruk)
8) Hepatitis Viral Fulminan	31) Meningitis Bakteria
9) Kegagalan Hati Tahap Akhir	32) Pembedahan Otak
10) Hipertensi Arteri Pulmonari Primer	33) Penyakit Sistik Medular
11) Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	34) Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
12) Kegagalan Buah Pinggang	35) Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
13) Pembedahan Aorta	36) Kardiomiopati
14) Anemia Aplastik Kronik	37) AIDS Dengan Gejala Penuh
15) Transplan Organ Utama / Sumsum Tulang	38) Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) Dijangkiti Melalui Pekerjaan
16) Buta - Kekal dan Tidak Boleh Pulih	39) Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
17) Pekak - Kekal dan Tidak Boleh Pulih	40) Sindrom Apalik
18) Hilang Keupayaan Bertutur	41) Poliomiellitis
19) Koma	42) Scleroderma Progresif
20) Kelecuran Tahap Ketiga	43) Pankreatitis Berulangan Kronik
21) Sklerosis Multipel	44) Elephantiasis (Penyakit Untut)
22) Kelumpuhan Anggota	45) Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila)
23) Distrofi Otot	

- Sekiranya berlaku Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, 10% daripada jumlah diinsuranskan APCC akan dibayar, tertakluk kepada bayaran maksimum RM 25,000 (terhad untuk 1 pembayaran sahaja). Jumlah diinsuranskan APCC akan dikurangkan oleh pembayaran pendahuluan ini.
- Jumlah keseluruhan bagi jumlah diinsuranskan pelan asas dan Bonus Ulang Tahun akan dikurangkan oleh pembayaran pendahuluan yang dibayar di bawah APCC.
- Perlindungan bagi APCC adalah sehingga tamat tempoh pelan asas.

A-Plus WaiverExtra (APWE)

- APWE ialah Rider Penolakan Unit (UDR) yang meneruskan pembayaran premium RM 3,300 setahun apabila Insured mengalami TPD (berlaku pada umur 70 tahun dan ke bawah) atau didiagnosis dengan salah satu daripada 44 penyakit kritikal yang dilindungi.
- Perlindungan bagi APWE adalah sehingga tamat tempoh pelan asas.

A-Plus Health (APH)

- APH adalah Rider Penolakan Unit (UDR) yang menyediakan perlindungan perubatan yang komprehensif sehingga tamat tempoh pelan asas.
- Sekiranya terdapat penerimaan Rawatan Hospitalisasi atau Pesakit Luar akibat penyakit atau kecederaan, APH akan memberikan perlindungan mengikut manfaat yang disenaraikan dalam Jadual Manfaat di bawah.
- Rider ini juga menyediakan pilihan amaun deduktibel sebanyak RM300 atau RM20,000 bagi setiap Hilang Upaya atau Tiada Deduktibel bergantung pada pelan yang dipilih. AIA Bhd. akan membayar Caj Munasabah dan Biasa yang dikenakan untuk manfaat yang layak yang melebihi amaun deduktibel.

Jadual Manfaat:

No.	Had Manfaat	Pelan 200
Had Tahunan (terpakai kepada perkara no.1 hingga 12)		1,500,000
Had Seumur Hidup		Tiada Had
Amaun Deduktibel (terpakai bagi perkara Penjagaan Pesakit Dalam no.1 hingga 3)		300 Setiap Hilang Upaya

Penjagaan Pesakit Dalam		
1	Manfaat Bilik dan Penginapan Hospital (maksimum 150 hari bagi setiap tahun rider dan maksimum harian tidak melebihi amaun yang dinyatakan)	200
2	Manfaat Unit Rawatan Rapi (maksimum 150 hari setiap tahun rider)	Seperti caj yang dikenakan, tertakluk kepada Had Tahunan.
3	Yuran-yuran Dalam Hospital Yang Berkaitan i. Bekalan dan Perkhidmatan Hospital ii. Manfaat Yuran Pembedahan iii. Manfaat Yuran Bilik Pembedahan iv. Manfaat Yuran Pakar Bius v. Manfaat Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (maksimum 2 lawatan sehari bagi setiap Pakar Perubatan) vi. Manfaat Penjaga Harian (digunakan untuk kedua-dua anak muda dan orang tua)	
Penjagaan Pesakit Luar		
4	Manfaat Pra Hospitalisasi (dalam tempoh 60 hari sebelum hospitalisasi) i. Manfaat Ujian Diagnostik ii. Manfaat Rundingan Doktor Pakar iii. Manfaat Perubatan dan Rawatan	Seperti caj yang dikenakan, tertakluk kepada Had Tahunan.
5	Manfaat Rawatan Selepas Hospitalisasi (dalam tempoh 150 hari selepas hospitalisasi) i. Manfaat Ujian Diagnostik ii. Manfaat Rundingan Doktor Pakar iii. Manfaat Perubatan dan Rawatan (termasuk Fisioterapi, Kiropraktik dan Akupunktur)	
6	Manfaat Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar dan Manfaat Rawatan Kanser Pesakit Luar	Seperti caj yang dikenakan, tertakluk kepada Had Tahunan.
7	Manfaat Prosedur Harian dan Pembedahan	Seperti caj yang dikenakan, tertakluk kepada Had Tahunan.
8	Rawatan kecemasan Pesakit Luar Akibat Kemalangan (termasuk pergigian) dan Rawatan Susulan selama 30 hari	
Penjagaan Tambahan		
9	Bantuan Optik - Kanta Intraokular	Sehingga 7,000 seumur hidup
10	Manfaat Komplikasi Bersalin Tertentu	Sehingga 10,000 seumur hidup
11	Manfaat Rawatan Demam Denggi Pesakit Luar	Sehingga 2,000 setiap Hilang Upaya
12	Manfaat Penjagaan Kejururawatan di Rumah (180 hari maksimum seumur hidup)	Sehingga 4,000 setiap Pengasingan
13	Pemindahan dan Penghantaran Pulang Perubatan Kecemasan	Sehingga USD 1,000,000 setiap kejadian
Health Wallet		
	Amaun Health Wallet Tahunan (terpakai kepada perkara no.14 hingga 18)	1,500
		Amaun di atas akan dikreditkan ke Health Wallet setiap akhir tahun rider sehingga jumlah 10 kali, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat untuk perkara no.1 hingga 12 dalam tahun sebelumnya.

14	Manfaat Pencegahan i. Pemeriksaan Kesihatan ii. Pemvaksinan (umur 16 dan ke atas): <ul style="list-style-type: none"> - Pemvaksinan Flu - Hep B - HPV - Kayap - Pneumokokus 	Sehingga 300 setiap tahun, tertakluk kepada jumlah amaun yang tersedia dalam Health Wallet
15	Manfaat Penjagaan Khas i. Gejala kongenital ii. Pembedahan Elektif/Plastik/Kosmetik disebabkan oleh Kemalangan atau Kanser	Seperti caj yang dikenakan, tertakluk kepada jumlah amaun yang tersedia dalam Health Wallet.
16	Manfaat Pemulihan dan Bantuan i. Mobiliti dan Bantuan Pendengaran <ul style="list-style-type: none"> - Anggota Tiruan - Alat pendengaran ii. Penjagaan Pemulihan <ul style="list-style-type: none"> - Kanser - Strok - Serangan jantung (terpakai bagi keadaan untuk keparahan rendah, sederhana dan tinggi)	Seperti caj yang dikenakan, tertakluk kepada jumlah amaun yang tersedia dalam Health Wallet.
17	Manfaat Kesihatan Mental Yuran Konsultasi Psikiatri untuk keadaan berikut: <ul style="list-style-type: none"> - Gangguan Depresi Yang Teruk - Gangguan Obsesif Kompulsif - Skizofrenia - Gangguan Bipolar - Sindrom Tourette - Depresi Post Partum 	Sehingga 1,500 setiap tahun, tertakluk kepada jumlah amaun yang tersedia dalam Health Wallet.
18	Pendorong Perlindungan	Jumlah amaun yang tersedia dalam Health Wallet akan dibayar: (a) untuk Perbelanjaan Layak sekiranya Had Tahunan telah digunakan sepenuhnya, atau (b) sekiranya Insured meninggal dunia, tertakluk kepada maksimum dua (2) kali ganda jumlah diinsuranskan pelan asas.

Nota:

- Semua angka yang ditunjukkan dalam Jadual Manfaat di atas adalah dalam Ringgit Malaysia (RM) kecuali dinyatakan sebaliknya.
- Sila ambil perhatian bahawa jika anda pilih untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan, amaun baki di dalam Health Wallet akan tamat tempoh bersama dengan pelan asas.
- Kami hanya akan membayar balik Caj Munasabah dan Biasa yang dikenakan untuk manfaat yang layak dalam Jadual Manfaat di atas.
- Manfaat di atas telah diringkaskan dan tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh manfaat, definisi, pengecualian, terma dan syarat.
- Selain daripada manfaat-manfaat yang disenaraikan dalam jadual, APH menyediakan Program Rujukan Bantuan Kecemasan (REA)* dengan menelefon talian perkhidmatan hotline 24 jam dengan panggilan caj balikan. Pemindahan dan Penghantaran Pulang Perubatan Kecemasan juga sebahagian daripada Program REA.

- Senarai perkhidmatan Program REA Bantuan Servis adalah seperti berikut:

No.	Bantuan Perkhidmatan	Manfaat-manfaat	Pengecualian-pengecualian
1	Program Bantuan Perubatan Antarabangsa	Pemindahan perubatan kecemasan, penyeliaan penghantaran balik dari segi perubatan, penghantaran balik mayat dan bantuan perubatan.	Sebarang kejadian yang berikut tidak dilindungi di bawah Program Bantuan Perubatan Antarabangsa dan Domestik: - Jika Insured mengembara walaupun nasihat pengamal perubatan diberi atau untuk berehat dan pemulihan berikutan sebarang sebelum kemalangan atau penyakit; atau
2	Program Bantuan Perubatan Domestik	Pemindahan perubatan kecemasan, penyeliaan penghantaran balik dari segi perubatan dan bantuan perubatan.	- Jika pada pendapat pembekal perkhidmatan AIA Bhd., Insured tidak mengalami keadaan perubatan yang serius atau jika rawatan boleh ditangguhkan sehingga keputungan Insured ke Malaysia atau negara tempat tinggal biasa; atau
3	Program Bantuan Kereta	Penundaan kecemasan dan pembaikan kecil di tepi jalan, bantuan penyewaan kereta dan rujukan kepada pusat perkhidmatan.	- Kegagalan Insured untuk mengambil langkah pencegahan yang munasabah berikutan amaran sebarang mogok, rusuhan atau kekecohan awam melalui media masa; atau
4	Program Bantuan Kediaman	Bantuan sistem paip, tukang kunci, pembaikan am, pendinginan udara dan bantuan kawalan serangga perosak.	- Pendedahan kepada bahaya secara sengaja atau cubaan pemusnahan diri atau kecederaan diri semasa siuman ataupun tidak siuman; atau - Sebarang perbelanjaan yang timbul daripada melahirkan anak, keguguran atau kehamilan; atau
5	Program Bantuan Perjalanan	Menyediakan maklumat seperti keperluan Visa, pasport dan inokulasi, pengesanan barang-barang yang hilang, penghantaran mesej kecemasan dan lain-lain.	- Sebarang keadaan kesihatan yang merupakan salah satu sebab untuk melaksanakan perjalanan; atau - Jika Insured mengembara di luar Malaysia lebih daripada 90 hari berturut-turut di bawah Program Bantuan Perubatan Antarabangsa.

* Manfaat-manfaat yang diterangkan di bawah Program REA adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk senarai penuh manfaat-manfaat, pengecualian-pengecualian, terma-terma dan syarat-syarat. Sila ambil perhatian bahawa AIA Bhd. berhak untuk menyemak semula sebarang perkhidmatan dan / atau manfaat-manfaat di bawah Program REA dari masa ke semasa.

- Perkhidmatan Bantuan Kediaman hanya boleh didapati bagi Insured yang menetap di bandar-bandar utama Semenanjung Malaysia.
- Perkhidmatan (di bawah perkara 3, 4 dan 5) adalah terhad kepada khidmat rujukan sahaja. Kos perkhidmatan yang sebenar akan ditanggung oleh anda. Perkhidmatan yang disediakan oleh pihak ketiga dan penerusan perkhidmatan adalah tertakluk kepada perjanjian antara AIA Bhd. dan pihak ketiga.

A-Plus AccidentShield (APAS)

- APAS adalah Rider Penolakan Unit (UDR) yang memberi perlindungan bagi kematian atau kecederaan akibat kemalangan.
- Senarai manfaat-manfaat yang dilindungi di bawah APAS adalah seperti berikut:
 - Manfaat Kematian Kemalangan dan Kecacatan
 - Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (PTD)
 - Perlindungan Berganda
- Jumlah keseluruhan bagi jumlah diinsuranskan pelan asas tidak akan dikurangkan oleh pembayaran pendahuluan yang dibayar di bawah APAS.
- Perlindungan untuk APAS adalah sehingga umur Insured 70 tahun atau tamat tempoh pelan asas, yang mana lebih awal.

Riot and Civil Commotion (RCC) atas APAS (APAS/RCC)

- Manfaat RCC boleh didapati dengan APAS untuk memberi perlindungan bagi kemalangan akibat serangan, pembunuhan, rusuhan dan keganasan awam.
- Perlindungan bagi RCC atas APAS adalah sehingga umur Insured 70 tahun atau tamat tempoh pelan asas, yang mana lebih awal.

Manfaat Kematian Kemalangan dan Kecacatan	
Jadual Manfaat-manfaat	
Penerangan Kecederaan	% daripada Jumlah Diinsuranskan APTAS / APAS
Kehilangan Nyawa	100
Kehilangan penglihatan sebelah atau kedua-dua belah mata yang menyeluruh dan kekal	100
Kehilangan atau kehilangan kegunaan satu atau dua anggota tangan atau kaki yang menyeluruh dan kekal	100
Kehilangan pertuturan dan pendengaran yang menyeluruh dan kekal	100
Ketidaksiuman yang kekal dan tidak boleh dipulihkan	100
Kelumpuhan menyeluruh dan kekal	100
Kehilangan pendengaran yang menyeluruh dan kekal - kedua-dua belah telinga - sebelah telinga	75 25
Kehilangan pertuturan yang menyeluruh dan kekal	50
Kehilangan kanta sebelah mata yang menyeluruh dan kekal	50

Manfaat Kematian Kemalangan dan Kecacatan

Jadual Manfaat-manfaat

Penerangan Kecederaan	% daripada Jumlah Diinsuranskan APTAS / APAS
Kehilangan atau kehilangan penggunaan empat jari dan ibu jari yang menyeluruh dan kekal - tangan kanan - tangan kiri	70 50
Kehilangan atau kehilangan penggunaan empat jari yang menyeluruh dan kekal - tangan kanan - tangan kiri	40 30
Kehilangan atau kehilangan penggunaan satu ibu jari yang menyeluruh dan kekal - kedua-dua falanks kanan - satu falanks kanan - kedua-dua falanks kiri - satu falanks kiri	30 15 20 10
Kehilangan atau kehilangan penggunaan jari tangan yang menyeluruh dan kekal - tiga falanks kanan - dua falanks kanan - satu falanks kanan - tiga falanks kiri - dua falanks kiri - satu falanks kiri	10 7.5 5 7.5 5 2
Kehilangan atau kehilangan penggunaan jari kaki yang menyeluruh dan kekal - semua jari - kaki - ibu jari kaki - dua falanks - ibu jari kaki - satu falanks - mana-mana jari kaki lain, setiap satu	15 5 3 2
Kaki atau petala patah yang tidak dapat bercantum sama sekali walaupun dengan rawatan perubatan yang sewajarnya selepas 26 minggu dari tarikh Kemalangan	10
Pemendekkan kaki sekurang-kurangnya 5cm	7.5

Jika Insured adalah kidal, peratusan yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat-manfaat di atas untuk pelbagai kehilangan upaya bagi tangan kanan akan diterbalikkan dengan tangan kiri. Sekiranya lebih daripada satu kehilangan berlaku akibat kemalangan yang sama di bawah Jadual Manfaat-manfaat di atas, Insured akan layak untuk kehilangan yang membayar manfaat tertinggi.

Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (PTD)

100% daripada Jumlah Diinsuranskan APTAS / APAS (ditolak dengan amaun lain yang telah dibayar atau perlu dibayar di bawah Manfaat Kematian Kemalangan dan Kecacatan dan Manfaat Hilang Upaya Sementara* akibat kemalangan yang sama) akan dibayar sekiranya hilang upaya disebabkan oleh kecederaan dalam tempoh 90 hari dari tarikh kemalangan itu berterusan untuk tempoh 12 bulan berturut-turut.

* Hanya untuk A-Plus Total AccidentShield (APTAS).

Perlindungan Berganda

Manfaat Kematian Kemalangan dan Kecacatan, Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (PTD), Manfaat Hilang Upaya Sementara* dan Pembayaran Balik Perubatan*[^] akan digandakan sekiranya kecederaan kemalangan berlaku di bawah mana-mana keadaan berikut:
- Semasa Insured menaiki sebagai penumpang tambang berbayar bagi suatu pengangkutan darat awam berlesen komersial melalui laluan tetap seperti bas atau kereta api. (Teksi atau sebarang bentuk pengangkutan bercarter untuk perjalanan peribadi dikecualikan).
- Semasa Insured berada dalam elevator (elevator di lombong dan di tapak pembinaan adalah dikecualikan).
- Akibat langsung daripada kebakaran bangunan awam.

* Hanya untuk A-Plus Total AccidentShield (APTAS).

[^] Pembayaran akan dibuat berdasarkan perbelanjaan sebenar yang ditanggung tetapi tertakluk kepada maksimum 12% daripada Jumlah Diinsuranskan APTAS.

A-Plus HospitalIncome Extra (APHIE)

- APHIE adalah Rider Penolakan Unit (UDR) yang menyediakan pendapatan harian bagi setiap hari semasa dimasukkan ke hospital akibat penyakit atau kecederaan.
- Manfaat pendapatan harian akan dibayar sehingga 1,000 hari bagi mana-mana satu hilang upaya.
- Pendapatan harian akan digandakan sebanyak tiga kali jika dimasukkan meliputi Unit Rawatan Rapi (ICU), bagi maksimum 20 hari akibat daripada mana-mana satu hilang upaya.
- Had seumur hidup agregat untuk manfaat pendapatan harian yang akan dibayar (termasuk ICU) tidak melebihi 2000 kali manfaat pendapatan harian.
- Perlindungan untuk APHIE adalah sehingga umur Insured 100 tahun atau tamat tempoh pelan asas, yang mana lebih awal.

AIA VITALITY:

Health Rewards (hanya untuk ahli-ahli AIA Vitality)

Ini adalah manfaat tambahan yang terpakai bagi polisi apabila Insured membeli A-Plus Health dan mendaftar sebagai ahli AIA Vitality. Health Rewards menyediakan manfaat yang dinyatakan di bawah.

i. Pengecualian Deduktibel

Health Rewards mengecualikan Amaun Deduktibel (jika ada), bergantung pada status AIA Vitality Insured semasa kemasukan ke Hospital.

Berikut adalah Amaun Deduktibel yang akan dikecualikan untuk Setiap Hilang Upaya semasa kemasukan ke Hospital:

Status AIA Vitality	Gangsa	Perak	Emas	Platinum
Amaun Deduktibel yang akan dikecualikan	Tiada Pengecualian	Mengecualikan RM150	Mengecualikan RM300	Mengecualikan RM300

ii. Manfaat Peningkatan Bilik dan Penginapan Hospital

Health Rewards akan meningkatkan manfaat amaun Bilik dan Penginapan Hospital, bergantung kepada status AIA Vitality Insured semasa kemasukan ke Hospital.

Berikut adalah peratusan (%) peningkatan amaun bagi Manfaat Bilik dan Penginapan Hospital semasa kemasukkan ke Hospital:

Status AIA Vitality	Gangsa	Perak	Emas	Platinum
Peratusan (%) Amaun Manfaat Bilik dan Penginapan Hospital	Tiada Peningkatan	Tiada Peningkatan	Peningkatan sebanyak 50%	Peningkatan sebanyak 100%

iii. Health Wallet Booster

Health Rewards akan meningkatkan Jumlah Amaun Health Wallet (jika ada) setiap tahun, bergantung pada status AIA Vitality Insured pada empat puluh lima (45) hari sebelum ulang tahun rider mengikut peratusan (%) yang ditunjukkan di bawah. Amaun tambahan ini akan dikreditkan ke dalam Health Wallet setiap tahun rider.

Berikut adalah peratusan tambahan (%) untuk peningkatan Jumlah Amaun Health Wallet:

Status AIA Vitality	Gangsa	Perak	Emas	Platinum
Peratusan (%) Peningkatan Jumlah Amaun Health Wallet	0%	0%	Tambahan sebanyak 5%	Tambahan sebanyak 10%

Panduan kepada Pemilik Polisi berkaitan Pelaburan mengenai Perlindungan Insurans

- ✓ Anda telah membeli polisi berkaitan pelaburan yang merupakan produk insurans yang terikat dengan prestasi dana-dana pelaburan yang anda pilih.
- ✓ Panduan ini memberikan anda maklumat umum mengenai faktor-faktor yang mungkin boleh mengurangkan nilai dana anda dan langkah-langkah yang anda boleh ambil untuk menikmati perlindungan insurans sepanjang tempoh polisi anda.
- ✓ Sila hubungi wakil anda atau hubungi kami di **1300-88-1899** atau **my.customer@aia.com** jika anda mempunyai sebarang pertanyaan.

Mari kita imbas kembali bagaimana polisi berkaitan pelaburan anda berfungsi...

- ✓ Sebahagian daripada premium anda (iaitu premium yang diperuntukkan) akan digunakan untuk membeli unit-unit dalam dana-dana pelaburan.
- ✓ **Caj-caj akan ditolak** daripada dana pelaburan anda, termasuk caj-caj untuk membayar perlindungan insurans anda.
- ✓ **Nilai dana anda perlu cukup untuk memastikan perlindungan insurans berterusan sepanjang tempoh polisi anda.** Sekiranya nilai dana anda tidak cukup dan berkurangan sehingga sifar, anda boleh mengambil langkah-langkah untuk mengekalkan perlindungan insurans anda.

Sila rujuk rajah di Lampiran A untuk gambaran bagaimana polisi berkaitan pelaburan berfungsi.

Apakah faktor-faktor yang boleh mengurangkan nilai dana anda*?



- ✓ **Tidak membayar premium** apabila tiba masanya¹



- ✓ **Memilih untuk tidak meningkatkan premium apabila meningkatkan perlindungan** (seperti membeli rider)¹



- ✓ **Pulangan pelaburan yang tidak memuaskan**



- ✓ **Memilih untuk tidak meningkatkan premium atau membuat penambahan apabila syarikat insurans meningkatkan caj-caj insurans / lain**



- ✓ **Membuat pengeluaran separa** daripada dana

Apakah yang perlu anda lakukan*?

Langkah 1: Semak perlindungan insurans anda secara berkala

- ✓ **Untuk tahun 2019**, kami akan memaklumkan kepada anda jika polisi anda dijangka berisiko untuk mempunyai baki yang tidak mencukupi untuk membayar caj-caj yang perlu dibayar.
- ✓ **Mulai 1 Januari 2020 dan seterusnya**, penyata tahunan anda akan mengandungi maklumat mengenai jangkaan tempoh perlindungan insurans anda berdasarkan nilai dana anda.

Langkah 2: Ambil tindakan yang sepatutnya* jika wujud risiko di mana dana anda mungkin tidak cukup untuk memastikan perlindungan insurans berterusan sepanjang tempoh polisi



- ✓ **Meningkatkan bayaran premium atau membuat penambahan**



- ✓ **Mengurangkan perlindungan insurans anda¹**

AMARAN: Jika anda memilih untuk tidak melakukan tindakan diatas, polisi anda mungkin tidak akan berkuatkuasa sehingga akhir tempoh polisi.

* Penafian: Sebahagian maklumat dan pilihan ini mungkin tidak berkaitan dengan anda. Untuk mendapatkan maklumat dan pilihan yang khusus untuk polisi anda, sila hubungi kami untuk maklumat lanjut.


¹ Tidak berkenaan untuk sijil premium tunggal.

Lampiran A: Bagaimana polisi berkaitan pelaburan berfungsi

Polisi berkaitan pelaburan anda



Premium yang diperuntukkan



Dana anda perlu cukup untuk memastikan anda terus menikmati perlindungan insurans

Caj insurans untuk membayar perlindungan insurans anda

Caj-caj lain seperti yuran polisi, caj pengurusan dana

Ahli-Ahli LIAM

AIA Bhd. ☎ : 1-300-88-1899 / 03-2056 1111 📠 : 03-2056 2292 ✉ : my.customer@aia.com 🌐 : https://www.aia.com.my 	Allianz Life Insurance Malaysia Berhad ☎ : 03-2264 1188 / 2264 0688 📠 : 03-2264 8499 ✉ : Customer.service@allianz.com.my 🌐 : https://www.allianz.com.my 	AmMetLife Insurance Berhad ☎ : 03-2271 8000 📠 : 03-2272 3226 ✉ : customercare@ammetlife.com ✉ : feedback@ammetlife.com 🌐 : https://www.ammetlife.com 
AXA AFFIN Life Insurance Berhad ☎ : 03-2117 6688 / 1300-88-1616 📠 : 03-2117 3698 / 2117 6768 ✉ : customer.care@axa-life.com.my 🌐 : https://www.axa.com.my 	Etika Life Insurance Berhad ☎ : 03-2297 3888 📠 : 03-2297 3800 📠 : 1-300-13-8888 ✉ : info@etika.com.my 🌐 : https://www.etika.com.my 	Gibraltar BSN Life Berhad ☎ : 03-2298 2000 📠 : 03-2297 2383 📠 : 1300-22-6262 (local) / 03-2687 0088 (overseas) ✉ : customerservice@gibraltarbsn.com 🌐 : https://www.gibraltarbsn.com 
Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad ☎ : 1300-1300-88 📠 : 03-4259 8000 ✉ : wecare-my@greateasternlife.com 🌐 : https://www.greateasternlife.com 	Hannover Rueck SE, Malaysian Branch ☎ : 03-2682 3600 📠 : 03-2687 3760 / 2687 3762 🌐 : https://www.hannover-re.com 	Hong Leong Assurance Berhad ☎ : 03-7650 1818 📠 : 03-7650 1991 ✉ : customerservice@hla.hongleong.com.my 📠 : 03-7650 1288 / 03-7650 1299 🌐 : https://www.hla.com.my 
Malaysian Life Reinsurance Group Berhad ☎ : 03-2780 6611 📠 : 03-2780 6622 ✉ : info@mlre.igare.com 	Manulife Insurance Berhad ☎ : 03-2719 9228 📠 : 03-2092 2960 / 2094 0972 🌐 : https://www.manulife.com.my 	MCIS Insurance Berhad ☎ : 03-7652 3388 📠 : 03-7957 1562 ✉ : info@mcis.my 🌐 : https://www.mcis.my 
Prudential Assurance Malaysia Berhad ☎ : 03-2031 8228 📠 : 03-2032 3939 📠 : 03-2116 0228 ✉ : customer.my@prudential.com.my 🌐 : https://www.prudential.com.my 	Sun Life Malaysia Assurance Berhad ☎ : 03-2612 3600 📠 : 03-2698 7035 📠 : 1300-88-5055 ✉ : wecare@sunlifemalaysia.com 🌐 : https://www.sunlifemalaysia.com 	Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. ☎ : 03-2059 6188 📠 : 03-2162 8068 ✉ : customercare@tokiomarinelife.com.my 🌐 : https://www.tokiomarine.com 
Zurich Life Insurance Malaysia Berhad ☎ : 03-2109 6000 📠 : 03-2109 6888 📠 : 1300-888-622 / 03-2146 9999 ✉ : callcentre@zurich.com.my 🌐 : https://www.zurich.com.my 		



LIFE INSURANCE ASSOCIATION OF MALAYSIA

No. 4, Lorong Medan Tuanku Satu, Medan Tuanku, 50300 Kuala Lumpur

☎ 03-2691 6168/ 6628/ 8068 📠 03-2691 7978

🌐 www.liam.org.my ✉ liaminfo@liam.org.my

📌 Insurans Hayat Cares

Ciri-ciri Dana	
Objektif Pelaburan	Dana ini bertujuan untuk memaksimumkan pertumbuhan modal dan pendapatan dalam jangka sederhana hingga jangka panjang melalui pelaburan dalam portfolio pelbagai terdiri daripada sekuriti ekuiti yang disenaraikan di bursa tempatan dan asing. Dana ini sesuai untuk pelabur yang sanggup mengambil risiko pelaburan yang lebih tinggi sebagai balasan untuk potensi pulangan yang lebih tinggi dengan mempelbagaikan pelaburan mereka ke dalam ekuiti asing.
Strategi dan Pendekatan Pelaburan	Dana ini melabur dalam pelbagai portfolio untuk memaksimumkan modal dan pendapatan dalam jangka sederhana hingga jangka panjang. Jenis-jenis instrumen termasuk tunai, equiti, waran dan skim pelaburan kolektif. Peruntukan aset adalah berdasarkan cara 'top-down' manakala pemilihan saham adalah berdasarkan cara 'bottom-up' dengan menggunakan analisis asas.
Matlamat Peruntukan Aset	70% dalam Ekuiti Pasaran Malaysia; 30% dalam Ekuiti Pasaran Asing
Penanda Aras	70% FTSE Bursa Malaysia Top 100 Index + 30% MSCI World Index <i>Maklumat lanjut mengenai penanda aras boleh diperolehi dari Bursa Malaysia, Bloomberg, RAM QuantShop, Bank Negara Malaysia dan Maybank.</i>
Pengurus Dana	AIA Bhd.

Yuran dan Caj	
Caj Pengurusan Dana	Caj Semasa: 1.50% daripada nilai aset bersih; Caj Maksimum: 1.50% daripada nilai aset bersih <i>Caj pengurusan dana semasa adalah tidak tetap dan mungkin berubah. Walau bagaimanapun, ini tertakluk kepada caj maksimum seperti yang tertakluk di atas.</i>
Caj-caj lain, jika ada	Tiada

Prestasi Dana			
Tahun	2020	2019	
Dana Ekuiti Strategik AIA*	43.37%*	T/B	
Penanda Aras	22.90%*	7.64%	

* Prestasi adalah dari tarikh pelancaran dana (6 Mei 2020) sehingga 31 Disember 2020 (pulangan bukan tahunan).

Notis: Prestasi masa lalu dana tidak membayangkan prestasi masa depannya. Ini hanya prestasi dana pelaburan, dan bukan pulangan yang diperolehi daripada premium sebenar yang dibayar untuk pelan Insurans Berkaitan Pelaburan.

- Pulangan di atas dikira berdasarkan Nilai Aset Bersih (iaitu harga unit) dana ini dan bukan berdasarkan premium kasar yang telah dibayar di bawah polisi.
- Asas pengiraan prestasi masa lalu adalah seperti berikut:

$$R_{20xx} = \frac{(UP_{31 \text{ Disember } 20xx} - UP_{31 \text{ Disember } 20xx-1})}{UP_{31 \text{ Disember } 20xx-1}} \times 100\%$$

Di mana:

- $UP_{31 \text{ Disember } 20xx}$ ialah Harga Unit pada 31 Disember 20xx.
- $UP_{31 \text{ Disember } 20xx-1}$ ialah Harga Unit pada 31 Disember 20xx-1.
- R_{20xx} ialah kadar pulangan selepas menolak caj pengurusan dana dan cukai dana yang berkenaan.

Pendedahan Tambahan

Dana ini melabur dalam Skim Pelaburan Kolektif (CIS) yang disenaraikan di bawah:

Jenis CIS	CIS Sandaran ¹		
		Peruntukan Dana ²	Prestasi Dana ³
Dana Diurus	AIA Asia Ex Japan Equity Fund	6.99%	47.65%
	AIA Global Multi-Factor Equity Fund	6.89%	25.85%
	AIA Global Quality Growth Fund	8.48%	67.68%
	AIA New Multinationals Fund	6.86%	37.27%
	iShare Hang Seng Tech	2.10%	14.37%

¹ Caj pengurusan dana CIS sandaran adalah sebahagian daripada Caj Pengurusan Dana untuk dana-dana AIA seperti yang ditunjukkan dalam Yuran dan Caj.

Sila ambil perhatian bahawa caj-caj ini bukan caj-caj tambahan yang akan dicajkan kepada anda

² Peruntukan dana setakat 31 Disember 2020.

³ Prestasi CIS Sandaran adalah dari tarikh pelancaran Dana Ekuiti Strategik AIA (6 Mei 2020) sehingga 31 Disember 2020 (pulangan bukan tahunan).

Untuk dana yang melabur dalam Skim Pelaburan Kolektif yang diuruskan oleh pengurus dana luar, fungsi pengurusan pelaburan Skim Pelaburan Kolektif adalah dilaksanakan oleh pengurus dana luar dan diuruskan mengikut peraturan dan peraturan semasa negara yang mengawal Skim Pelaburan Kolektif tersebut. Oleh itu, piawai pendedahan kepada Skim Pelaburan Kolektif ini mungkin tidak sama dengan piawai pendedahan di Malaysia.

Risiko-risiko

Senarai berikut menyatakan risiko melabur dalam dana ini. Sila ambil perhatian bahawa senarai ini tidak menyeluruh.

- Risiko Pasaran
- Risiko Kecairan
- Risiko Saham Tertentu
- Risiko Negara
- Risiko Mata Wang
- Risiko Derivatif
- Risiko Peraturan

Anda boleh merujuk kepada Lampiran A untuk penerangan mengenai risiko-risiko tersebut.

Maklumat Lain

Pasaran Sasaran ¹	<ul style="list-style-type: none">• Mereka yang ingin memperolehi pertumbuhan dan pendapatan.• Toleransi risiko tinggi.
Dasar & Kekekapan Penilaian Unit	<p>Nilai setiap dana yang diterbitkan khas oleh AIA hendaklah ditentukan oleh kami pada setiap hari di bawah keadaan biasa. Untuk mendapatkan balik kos memperolehi dan melupuskan aset, kami akan mengenakan yuran pencairan atau kos transaksi yang mana akan dicajkan pada masa yang sama pembayaran dibuat untuk jualan dan belian balik unit. Yuran pencairan atau kos transaksi yang dikenakan akan diperuntukkan semula kepada dana unit.</p> <p>Kita mungkin menilai dana kurang kerap jika diperdagangkan dalam mana-mana Bursa Saham atau mana-mana bursa lain di mana dana dilaburkan tergantung menyebabkan penilaian dana pada setiap hari tidak dapat dilakukan. Dalam kejadian itu, dana hendaklah dinilai sekurang-kurangnya sekali seminggu. AIA akan mendapatkan perkhidmatan daripada orang atau firma bebas untuk mendapatkan nilai bila-bila masa yang sesuai, sama ada menjual atau membeli aset dana dan akan mematuhi undang-undang yang berkenaan dan amalan yang diterima semasa menguruskan aset dana.</p>
Keadaan Luar Biasa	<p>Kami berhak menangguhkan pembayaran penebusan dana untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh bayaran biasanya dilakukan jika tidak kerana gangguan seperti penutupan sementara mana-mana Bursa Saham di mana Dana dilaburkan, di mana Syarikat mengikut budi bicaranya, boleh mempertimbangkan sebagai luar biasa.</p>
Foreign Account Tax Compliance Act Amerika Syarikat	<p>Di bawah Foreign Account Tax Compliance Act ("FATCA"), dana yang dilaburkan secara langsung atau tidak langsung ke dalam harta Amerika Syarikat adalah tertakluk kepada 30% cukai pegangan ke atas bayaran tertentu yang berpunca daripada Amerika Syarikat melainkan dana tersebut mematuhi FATCA. Dana tersebut bertujuan untuk mematuhi FATCA, walau bagaimanapun ini tidak dapat dijamin memandangkan keperluan yang rumit dan sering berubah. Jika Dana tidak dapat memenuhi kewajipan yang dikenakan keatasnya untuk mengelakkan cukai pegangan, bayaran tertentu yang berpunca daripada Amerika Syarikat yang dibuat kepada dana mungkin tertakluk kepada 30% cukai pegangan yang mungkin akan mengurangkan tunai yang ada kepada pelabur. Penggunaan kaedah-kaedah pegangan dan maklumat yang dikehendaki untuk dilaporkan dan didedahkan adalah tidak muktamad dan tertakluk kepada perubahan.</p>

¹ Sila maklum bahawa dana ini hanya tersedia untuk A-LifeLink 2, A-Life Joy 2, A-Life Wealth Builder, A-InvestLink, A-Enrich Wealth dan A-Life Wealth Premier.

LAMPIRAN A – PENERANGAN RISIKO-RISIKO



- **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran merujuk kepada risiko nilai portfolio menurun yang disebabkan oleh perubahan dalam faktor-faktor risiko dasar pasaran. Contoh-contoh faktor risiko pasaran adalah paras harga saham, kadar faedah, kadar pertukaran asing, dan paras harga komoditi. Nilai pelaburan mungkin akan jatuh dalam suatu tempoh masa kerana perubahan dalam iklim ekonomi atau perkara-perkara lain yang secara langsungnya menjejaskan pasaran. Peruntukan dan kepelbagaian aset yang teliti boleh melindungi terhadap risiko pasaran kerana segmen pasaran yang berlainan cenderung untuk kolerasi yang tidak sempurna.

Dalam dana berkaitan pelaburan, risiko ini boleh diuruskan melalui peruntukan aset aktif antara tunai dan aset berisiko yang terdedah kepada risiko pasaran.

- **Risiko Kecairan**

Risiko kecairan adalah risiko di mana suatu sekuriti atau aset tidak boleh diniagakan dengan cepat di pasaran untuk mengelakkan kerugian. Ia timbul dalam situasi di mana aset tidak boleh diniagakan kerana kekurangan pembeli/penjual di pasaran.

Risiko ini boleh diuruskan dengan mengambil langkah yang lebih cermat dalam pembelian aset yang kurang cair dan mempelbagaian saham.

- **Risiko Kadar Faedah**

Risiko kadar faedah adalah risiko turun naik nilai bagi aset berfaedah, seperti pinjaman atau bon, disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah. Secara umum, apabila kadar faedah meningkat, harga bon akan jatuh.

Risiko ini boleh diuruskan melalui pengurusan tempoh aktif pelaburan pendapatan tetap pada suatu tempoh masa.

- **Risiko Saham Tertentu**

Sebarang turun naik harga yang besar bagi saham tertentu yang dilabur oleh dana mungkin menjejaskan Nilai Aset Bersih (NAV) dan justeru itu menjejaskan harga unit.

Risiko ini boleh diuruskan dengan melabur dalam pelbagai syarikat dalam sektor yang berbeza.

- **Risiko Kredit/Mungkir**

Risiko kredit/mungkir adalah risiko kerugian daripada pinjaman atau jenis kredit yang lain (sama ada prinsipal atau faedah (kupon) atau kedua-duanya) yang tidak dibayar balik. Perkara-perkara mungkir termasuk kelewatan dalam pembayaran balik, penstrukturan semula pembayaran balik peminjam, dan kebangkrapan.

Risiko ini dikurangkan dengan melabur dalam sekuriti yang berkualiti tinggi kerana ia secara umumnya mempunyai tahap risiko kredit yang lebih rendah.

- **Risiko Negara**

Risiko negara merujuk kepada risiko melabur di dalam sesebuah negara, yang tertakluk kepada perubahan dalam persekitaran perniagaan/politik yang boleh menjejaskan keuntungan operasi atau nilai aset di negara itu. Beberapa faktor yang mempengaruhi Risiko Negara termasuk faktor-faktor kewangan seperti kawalan mata wang, penurunan nilai atau perubahan peraturan dan peristiwa-peristiwa yang menjejaskan kestabilan politik iaitu perubahan politik, rusuhan besar-besaran dan perang saudara.

Risiko ini dikurangkan dengan melabur ke dalam pelbagai pasaran.

- **Risiko Mata Wang**

Risiko mata wang merujuk kepada risiko perubahan dalam kadar pertukaran yang mengubah nilai pelaburan dalam denominasi mata wang asing. Bila-bila masa pelabur memiliki aset yang merentasi sempadan negara, mereka menghadapi risiko mata wang jika kedudukan mereka tidak dilindungi nilai.

Risiko ini dikurangkan dengan melabur dalam aset yang didenominasikan dalam pelbagai aset mata wang asing.

- **Risiko Pengelasan Semula Status Syariah**

Risiko ini merujuk kepada keadaan di mana sekuriti mematuhi Syariah diklasifikasikan sebagai tidak mematuhi Syariah dalam kajian semula berkala oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Penasihat Syariah atau Lembaga Syariah bagi indeks Islam yang berkaitan. Pengelasan semula sekuriti sebagai tidak mematuhi Syariah boleh mengakibatkan sekuriti baru yang tidak mematuhi Syariah kurang berprestasi berbanding penanda arasnya.

Risiko ini boleh diuruskan dengan melupuskan ekuiti-ekuiti mematuhi Syariah yang berkemungkinan besar akan menjadi tidak mematuhi Syariah sebelum kajian semula berkala.

- **Risiko Derivatif**

Penggunaan instrumen kewangan derivatif juga melibatkan risiko khas tertentu, termasuk

- i. Pergantungan kepada keupayaan pengurus dana untuk meramalkan pergerakan dalam harga sekuriti yang dilindungi nilai dan pergerakan dalam harga saham, kadar pertukaran mata wang atau lain-lain faktor-faktor ekonomi,
- ii. kewujudan hubungan yang tidak sempurna antara pergerakan harga derivatif dan pergerakan harga pelaburan yang berkaitan,
- iii. hakikat bahawa kemahiran yang diperlukan untuk menggunakan instrumen ini adalah berbeza daripada yang diperlukan untuk memilih sekuriti dana,
- iv. kemungkinan ketiadaan pasaran cair bagi apa-apa suratcara tertentu pada bila-bila masa tertentu,
- v. kemungkinan terdapat halangan untuk pengurusan portfolio yang berkesan atau keupayaan untuk memenuhi penebusan,
- vi. risiko undang-undang yang mungkin timbul berkaitan dengan dokumen kontrak derivatif, terutamanya isu-isu yang timbul berkaitan penguatkuasaan kontrak dan batasan kepadanya,
- vii. risiko penyelesaian apabila berhadapan dengan niaga hadapan, ke hadapan, swap, kontrak untuk perbezaan di mana liabiliti dana mungkin berpotensi tanpa had sehingga kedudukan ditutup, dan
- viii. risiko rakan niaga sebagai penggunaan derivatif OTC, seperti niaga hadapan, kontrak hadapan, perjanjian swap dan kontrak untuk perbezaan akan mendedahkan dana kepada risiko kredit berkenaan kepada rakan niaga yang terlibat.

Pengurusan Risiko Pada Penggunaan Instrumen Derivatif

Salah satu objektif utama penggubal undang-undang dan pihak berkuasa di seluruh Eropah adalah untuk mengekalkan tahap perlindungan-pelabur runcit yang tinggi. Ini diterjemahkan kepada keperluan untuk pengurus UCITS untuk melaksanakan proses pengurusan risiko yang mantap (PDRM) untuk memantau, mengurus dan mengukur risiko kewangan dan operasi yang berkaitan dengan derivatif. Berikut adalah keperluan peraturan dan dasar pengurusan risiko dalam pengurus yang mengawal penggunaan instrumen derivatif:

- a) Pendedahan global yang berkaitan dengan instrumen derivatif tidak boleh melebihi 100% daripada NAB dana.
- b) Dasar pelaburan derivatif mesti menjadi kelas aset yang layak sebagaimana yang dinyatakan oleh CSSF (Luxembourg Sektor Kewangan Pihak Berkuasa Penyeliaan) dan hendaklah selaras dengan objektif pelaburan dana.
- c) Derivatif Over-the-Counter (OTC) mesti tertakluk kepada penilaian yang dipercayai dan boleh disahkan pada setiap hari dan boleh dijual pada bila-bila masa.
- d) Pihak kepada derivatif OTC adalah institusi yang tertakluk kepada penyeliaan berhemat seperti yang diluluskan oleh CSSF. Penarafan kredit minimum bagi rakan niaga A + (dari S&P) atau A1 (dari Moody) melainkan jika dibenarkan oleh pengurusan risiko pengurus sandaran pada kes demi kes. Kecuali bagi waran sintetik apa-apa pendedahan pihak lain yang lebih besar daripada GBP 500,000 sepenuhnya bercagar.
- e) Dalam apa keadaan pun penggunaan derivatif akan menyebabkan dana menyimpang daripada objektif pelaburan.
- f) Satu proses pengurusan risiko yang membolehkan dana memantau dan mengukur risiko kedudukannya pada bila-bila masa mesti digunapakai. Ia mesti menggunakan proses penilaian yang tepat dan bebas daripada instrumen derivatif OTC.
- g) Objektif pelaburan dana ini menghadkan mereka untuk mencapai objektif pelaburan mereka dengan mengutamakan penggunaan ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti, bukannya derivatif.
- h) Kerugian mark-to-market pada kedudukan terbitan (jika ada) hendaklah dilindungi oleh aset cair atau wang tunai.

- **Risiko Peraturan**

Kemampuan dana untuk melabur dan/atau melaksanakan sepenuhnya pelaburan dan/atau mencapai objektif dan strategi pelaburannya, akan tertakluk kepada semua undang-undang, aturan dan peraturan yang digunapakai di Malaysia, yang mungkin mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Sekiranya Kerajaan Malaysia mengenakan sebarang sekatan seperti kawalan modal yang menyekat pelaburan asing dan penghantaran balik mata wang, kemampuan dana untuk melabur di pasaran asing akan terjejas. Di keadaan demikian, kemampuan dana untuk mencapai objektif pelaburannya akan terjejas secara negatif.